



BUKU PANDUAN PENGURUSAN P&P PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA

Peringkat Menengah Atas



Gambar kulit dilukis oleh Encik Thira Dechkhrobchuang, kelas menengah lima, Sekolah Non Han Withayayon.



**BUKU PANDUAN PENGURUSAN P&P PENDIDIKAN HAK ASASI
MANUSIA**
PERINGKAT MENENGAH ATAS



Nama buku : Buku Panduan Pengurusan P&P Pendidikan Hak Asasi
Manusia Tahap Menengah Atas

ISBN : 978-616-8274-03-3

Cetakan pertama: Januari 2563 (2020)

Jumlah cetak : 1000 buah

Penerbit : Jabatan Ahli Jawatan Kuasa Hak Asasi Manusia Peringkat Kebangsaan
Pusat Kerajaan Chaleam Prakiat 80 Tahun 5 Disember 2550 (2007)
Bangunan Rathasasna Phakdi (Bangunan B) sebelah selatan tingkat 6
dan 7
120 Mukim 3, Jalan Ceng Watnak, Kwaeng Thung Song Hong,
Kawasan Laksi BKK 10210
Telefon: 02-1413800, Faks.: 02-1439574
Untuk kes kecemasan, sila hubungi 1377, e-mel: help@nhrc.or.th
Maklumat lanjutan: www.nhrc.or.th



PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG

“Di tempat yang kecil berhampiran dengan rumah, teramat kecil dan dekat sehingga tidak dapat dilihat dalam peta dunia. Tempat yang sangat kecil itu bagi dunia milik seorang individu yang merupakan tempat tinggal, sekolah, atau universiti untuk seorang individu belajar; kilang, ladang atau pejabat-pejabat untuk bekerja. Ini adalah tempat di mana setiap lelaki, wanita dan kanak-kanak mencari keadilan, peluang dan maruah yang sama tanpa diskriminasi. Sekiranya hak-hak ini tidak bermakna di tempat itu maka hak-hak ini akan mempunyai peranan yang kecil di tempat-tempat lain. Sekiranya warganegara tidak saling membantu antara satu sama lain dalam melindungi hak ini di tempat mereka maka sia-sia mereka untuk membina kemajuan dalam dunia yang lebih besar lagi.”

Pernyataan tersebut diungkapkan oleh Puan Eleanor Roosevelt, isteri bekas Presiden Amerika Syarikat, Franklin D. Roosevelt semasa Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Dalam sesi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang dianggotai oleh 48 buah negara dari seluruh dunia termasuk Thailand telah meluluskan resolusi untuk mengiktiraf Perisytiharan Hak Asasi Manusia pada 10 Disember 2491 Be. (bersamaan 1948 M.). Hal ini merupakan titik permulaan selepas Perang Dunia Kedua berakhir yang memperlihatkan negara anggota PBB dari seluruh dunia telah bersatu meluluskan satu dokumen bersejarah, bertujuan melindungi hak asasi manusia bagi warganegara sedunia.

Dalam dunia ini, kita hidup berdasarkan kepelbagaian. Tidak kira bangsa, agama, bahasa atau budaya, kita mungkin mempunyai fikiran, kepercayaan, taraf, paras rupa dan fizikal yang berbeza. Justeru hal ini bukan suatu masalah sehingga menimbulkan keimbangan bahawa kita harus berpecah belah. Sekiranya situasi kepelbagaian ini dianggap semula jadi maka semua dapat hidup bersama dalam kedamaian. Oleh itu kita harus berpegang teguh pada nilai “Hak Asasi Manusia” yang merupakan moral antarabangsa yang terdiri daripada empat prinsip asas. Prinsip-prinsip tersebut bertujuan agar manusia harus bertoleransi antara satu sama lain dalam empat perkara iaitu:

1. Menghormati maruah manusia.
2. Keyakinan terhadap persamaan seseorang individu tanpa diskriminasi.
3. Kepercayaan terhadap hak dan kebebasan seseorang individu.



4. Memperlakukan seseorang individu lain sebagaimana sesama manusia.

Empat prinsip asas hak asasi manusia ini juga merupakan prinsip penting dalam Perisyntiaran Hak Asasi Manusia Sejagat yang perlu dipelajari dan difahami bersama oleh manusia. Penghayatan ini akhirnya membawa kepada penerapan dan penciptaan budaya penghormatan terhadap hak asasi manusia serta menerapkannya dalam kehidupan masing-masing. Para guru khususnya memainkan peranan sangat penting dalam membina asas yang kukuh dalam masyarakat dengan mendidik anak-anak dan remaja untuk belajar dan menyedari nilai hak asasi manusia melalui penerapan pembelajaran, aktiviti pendidikan dan kehidupan harian.

Oleh itu, kepentingan dalam menggalakkan hak asasi manusia adalah selari dengan prinsip universal. Perlembagaan Kerajaan Thailand 2560 Be. (2017M.) telah memperuntukkan penubuhan sebuah organisasi bebas iaitu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional yang berperanan dan mempunyai kuasa penting di bawah Akta 247 (5) dalam meningkatkan kesedaran semua lapisan masyarakat terhadap kepentingan hak asasi manusia. Suruhanjaya tersebut mempunyai tugas dan kuasa mengikut undang-undang perlembagaan mengenai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional 2560 Be. Akta 27 (1), (2) dan (3) memberi peruntukan dalam membangkitkan, menyokong dan bekerjasama dengan seorang individu, agensi kerajaan dan swasta untuk mengkaji, menyebarkan pengetahuan dan meningkatkan kekuatan hak asasi manusia, membangkitkan, menyebarkan kepada anak-anak, remaja dan masyarakat umum untuk mewujudkan hak asasi manusia masing-masing yang sama dan menghormati hak asasi orang lain yang mungkin berbeza dalam budaya, tradisi, kehidupan dan agama.

Sehubungan itu, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional sebagai badan yang bertanggungjawab terhadap hak asasi manusia kebangsaan di sisi perlembagaan telah melihat keperluan untuk menggalakkan perkembangan hak asasi manusia dalam kalangan rakyat. Antara usaha untuk menggalakkan hak asasi manusia adalah dengan segera mengadakan garis panduan secara sistematik mengenai hak asasi manusia di institusi pendidikan di seluruh negara. Hal ini boleh dilakukan melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan yang bertanggungjawab terhadap 30,000 institusi pendidikan dan mempunyai lebih daripada 400,000 kakitangan yang berfungsi untuk menyokong serta memberikan pendidikan asas kepada lebih daripada 7,000,000 orang pelajar di negara ini. Oleh itu, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional dari Pejabat Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional telah memeterai perjanjian kerjasama dalam menggalakkan hak asasi manusia dengan Kementerian Pendidikan



untuk bersama-sama menghasilkan buku *Panduan Pengurusan P&P Pendidikan Hak Asasi Manusia*. Buku ini berperanan sebagai panduan dalam pengurusan pembelajaran hak asasi manusia untuk meningkatkan kualiti pelajar.

Bagi mencapai matlamat tersebut, suatu jawatankuasa telah dibentuk melibatkan ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, para guru, pensyarah dan pegawai dari Kementerian Pendidikan, pensyarah dari Institut Hak Asasi Manusia dan Pendidikan Keamanan, Universiti Mahidol serta wakil dari Yayasan Friedrich Nauman Thailand. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyediakan buku *Panduan Pengurusan P&P Pendidikan Hak Asasi Manusia* yang akan digunakan sebagai garis panduan dalam pengurusan pembelajaran hak asasi manusia untuk meningkatkan kualiti pelajar berdasarkan kurikulum teras pendidikan asas 2551 Be. (2008 M.). Pembelajaran hak asasi manusia ini akan diselitkan dalam mata pelajaran kajian sosial, agama dan budaya daripada peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat sekolah menengah bawah dan sekolah menengah atas. Pendidikan mengenai hak asasi manusia turut akan dimasukkan dalam aktiviti pembelajaran dalam kurikulum Pendidikan Prasekolah (Awal Kanak-kanak) 2560 Be. (2017 M.). Proses penyediaan buku panduan ini terdiri daripada beberapa tahap bermula dengan pertemuan bersama untuk mengumpulkan pandangan dan buah fikiran. Hasil pandangan tersebut seterusnya dibentangkan dan dilakukan penambahbaikan. Beberapa buah bengkel juga diadakan untuk mendengar pendapat dan cadangan daripada para guru, pensyarah serta semua pihak yang berkepentingan bagi menyusun dan melengkapkan buku panduan tersebut sebaik mungkin. Usaha ini diharap dapat menjadikan kanak-kanak dan remaja sebagai sumber kekuatan yang akan memajukan negara pada masa hadapan. Generasi akan datang yang dididik dengan asas hak asasi manusia diharapkan mempunyai pengetahuan, pemahaman dan kesedaran dalam menghormati maruah manusia, mempercayai kesaksamaan manusia tanpa diskriminasi, mempercayai hak dan kebebasan individu dan memperlakukan individu lain sebagai rakan sesama manusia dengan berpegang pada hakikat perbezaan. Prinsip-prinsip yang terdapat dalam Perisyntiaran Hak Asasi Manusia Sejagat ini walaupun berasal dari Barat sebenarnya selaras dengan nilai-nilai baik masyarakat Thailand seperti sifat kasih sayang, kemurahan hati, suka berkongsi, dan bersatu padu yang sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian mereka.

Akhir kata, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional berharap agar buku *Panduan Pengurusan P&P Pendidikan Hak Asasi Manusia* ini akan menjadikan mereka yang terlibat termasuk guru dan pelajar mempunyai pengetahuan, pemahaman, kemahiran, dan kesedaran mengenai hak asasi manusia. Usaha ini diharapkan mampu mengintegrasikan hak asasi



manusia ke dalam amalan kehidupan sehari-hari, sama ada di dalam kelas atau di luar kelas, seterusnya boleh dimanfaatkan agar sesuai dalam konteks keluarga, sekolah, kampung dan masyarakat. Hal ini akan membawa kepada pembentukan budaya menghormati hak asasi manusia yang stabil dan kekal dalam masyarakat Thailand selamanya.



KANDUNGAN

Perkara	Halaman
Garis Panduan Menggunakan Buku <i>Panduan Pengurusan P&P Pendidikan Hak Asasi Manusia</i>	10
Struktur Unit Pembelajaran	17
UNIT PEMBELAJARAN 1: PENGETAHUAN ASAS HAK ASASI MANUSIA	25
Set Aktiviti 1: Perang Dunia Kedua dan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat	25
UNIT PEMBELAJARAN 2: HAK ASASI MANUSIA YANG BERKAITAN DENGAN WARGANEGARA	37
Set Aktiviti 2 : Hamba: Sejarah dan Latar Belakang Penindasan	37
Set Aktiviti 3 : Undang-undang tentang Orang Pinggiran	43
UNIT PEMBELAJARAN 3: HAK ASASI MANUSIA YANG BERKAITAN DENGAN POLITIK	51
Set Aktiviti 4 : Kebebasan Media	51
Set Aktiviti 5 : Penyertaan dalam Politik	60
UNIT PEMBELAJARAN 4: HAK ASASI MANUSIA YANG BERKAITAN DENGAN EKONOMI	70
Set Aktiviti 6 : Buruh dan Upah yang Adil	70
Set Aktiviti 7 : Perlindungan Pengguna dan Persaingan yang Adil	79
UNIT PEMBELAJARAN 5: HAK ASASI MANUSIA YANG BERKAITAN DENGAN SOSIAL DAN BUDAYA	91
Set Aktiviti 8 : Keluarga dan Perkahwinan	91
Set Aktiviti 9 : Penerimaan Kepelbagaian Budaya	96



Perkara	Halaman
UNIT PEMBELAJARAN 6: KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN TENTANG HAK ASASI MANUSIA	106
Set Aktiviti 10: Garis Panduan Pembentukan Keharmonian dan Hak Asasi Manusia	106
Contoh Tingkah Laku Pelajaran yang Prihatin terhadap Hak Asasi Manusia	111
LAMPIRAN	115
Senarai Nama Penulis	117
Senarai Nama Penasihat	119



GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BUKU PANDUAN PENGURUSAN P&P PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA

Buku *Panduan Pengurusan P&P Pendidikan Hak Asasi Manusia* Tahap Menengah Atas (Mathayum 4-6) dijadikan panduan untuk guru yang mengajar kumpulan sosial, agama dan budaya serta guru-guru lain yang menggunakan standard pembelajaran dan indikator yang sama. Kurikulum teras pembelajaran asas tahun 2018 merupakan teras dalam pelaksanaan aktiviti pembelajaran untuk pelajar berpengalaman serta berpengetahuan tentang hak asasi manusia. Set aktiviti dalam buku *Panduan Pengurusan P&P Pendidikan Hak Asasi Manusia* pada tahap sekolah menengah atas ini memaparkan beberapa contoh yang sesuai dan berkaitan dengan hak asasi manusia sekarang. Seperti mana sudah dijelaskan bahawa hak asasi manusia merupakan hak asas yang harus diperoleh oleh setiap manusia dengan saksama agar dapat hidup dengan aman, mempunyai kehormatan diri, kebebasan, muhibah dan ihsan tanpa berbelah bahagi mengikut perbezaan bangsa, warna kulit, jantina, umur, bahasa, agama kesihatan serta status badan.

Hak asasi manusia masih mempunyai kepentingan terhadap jaminan sebagai manusia, hak dan kebebasan. Pelaksanaan pembelajaran untuk hak asasi manusia itu harus dapat memudahkan pelajar untuk membina ilmu, anggapan, pandangan serta dapat membina potensi pelajar dalam hidup yang kepelbagai dan harus hormat-menghormati antara satu sama lain. Oleh itu pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) merupakan pembelajaran yang berkaitan (*about*) dengan hak asasi manusia dalam situasi pembelajaran dan proses (*though*) yang membina budaya hak asasi manusia seperti setiap orang dapat memberi pandangan, mendengar pandangan yang berbeza serta menyertai proses membuat keputusan dan dapat menuju ke arah (*for*) penggunaan dan menuntut hak peribadi dan hak orang lain dalam masyarakat.

Standard pembelajaran dan indikator tentang hak asasi manusia yang dijadikan sebagai teras dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran adalah seperti berikut:

- S 2.1 M.4-6/4 menilai keadaan hak asasi manusia di dalam negara dan menyediakan jalan pembangunan;
- S 2.1 M.4-6/5 menganalisis kepentingan yang harus dibaiki dan diubah suai serta memilih budaya universal;



- S 2.1 M.4-6/1 menganalisis dan melaksanakannya mengikut perundangan yang berkaitan dengan diri, keluarga, komuniti, negara serta dunia;
- S 2.2 M.4-6/3 berkeperibadian dan membentuk warganegara yang berkeperibadian baik terhadap masyarakat dan negara;
- S 2.2 M.4-6/4 menilai situasi hak asasi manusia di negara Thailand dan mengesorkan cadangan untuk pembangunan;
- S 3.1 M.4-6/1 membincangkan penetapan harga barang dan kadar upah yang adil dan tepat;
- S 4.2 M.4-6/2 menganalisis situasi penting yang mengakibatkan berlaku perubahan dalam masyarakat, ekonomi dan politik sekarang.

1. OBJEKTIF BUKU PANDUAN

1.1 Untuk dijadikan panduan kepada kumpulan guru yang mengajar subjek sosial, agama dan budaya mengadakan aktiviti pembelajaran yang dapat membantu pelajar memahami serta mengambil berat tentang hak asasi manusia dan keadaan hak asasi manusia mengikut konteks ekonomi, sosial, dan budaya. Selain itu, mereka dapat memahami cara untuk mengaplikasikan ilmu serta pengalaman dalam hidup mereka sendiri, keluarga, komuniti dan masyarakat amnya.

1.2 Untuk guru lain yang bukan terdiri daripada golongan guru yang ada dalam sistem yang telah ditetapkan pada setiap pembelajaran atau pendidikan jarak jauh namun mereka tetap menjadi pembina pelaksanaan pembelajaran yang bertujuan untuk pelajar atau peserta memahami hak asasi manusia sama ada berbentuk aktiviti mahupun kem pembelajaran.

2. GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AKTIVITI PEMBELAJARAN

2.1 Pengurusan Iklim Pembelajaran

2.1.1 Pembentukan iklim pembelajaran dari sudut fizikal

Pembentukan iklim fizikal merupakan pembentukan iklim yang terdiri daripada suasana menghormati hak asasi, keprihatinan terhadap kepelbagaiannya pelajar, mengurangkan halangan pembelajaran pelajar, harus sesuai untuk pelajar yang mempunyai iklim yang pelbagai untuk melakukan



aktiviti sebanyak mungkin. Penentuan alat-alat kelengkapan harus mengutamakan faedah yang membantu pembelajaran pelajar seperti alat untuk pelajar mahir menulis di sebelah kiri, jalan yang sesuai untuk pelajar yang buta atau berkerusi roda (*wheelchair*) serta mewujudkan suasana yang sesuai dengan pembelajaran pelajar yang pelbagai seperti menggantung sepanduk, serta penggunaan teknologi yang dapat membantu pelajar belajar melalui pembacaan dan penglihatan (*visual learner*) bagi pelajar berkeperluan khas.

2.1.2 Pembentukan iklim pembelajaran dari sudut psikologi

Pembentukan iklim pembelajaran dari sudut psikologi melibatkan contoh ikutan yang dihormati oleh guru, pergaulan antara guru dengan pelajar atau sesama pelajar sendiri. Pelaksanaan iklim jenis ini harus dilakukan berdasarkan kepada pemerhatian, pemikiran dan pelaksanaan aktiviti bersama seperti berikut:

- 2.1.2.1 harus mengadakan aktiviti perbincangan yang membolehkan pertukaran pandangan antara guru dengan pelajar serta sesama pelajar sendiri, atau membina aktiviti secara berkumpulan yang dapat membantu orang lain dan dapat bertukar peranan dalam kumpulan;
- 2.1.2.2 membina aktiviti yang pelbagai agar pelajar dapat memilih aktiviti yang bersesuaian dengan minat mereka;
- 2.1.2.3 mengadakan refleksi/penilaian aktiviti pembelajaran secara berperingkat untuk mengumpulkan maklumat bagi mengubah suai aktiviti yang lebih sempurna.

2.2 Peranan Guru

Untuk pembelajaran hak asasi manusia yang berkualiti, guru harus mempunyai peranan dalam pengurusan seperti berikut:

2.2.1 Masa pelaksanaan aktiviti

Objektif yang berbeza pada sesuatu aktiviti akan memberi kesan terhadap pembinaan aktiviti. Sesetengah aktiviti memerlukan masa pelaksanaan yang panjang dan sesetengah aktiviti hanya memerlukan masa yang singkat. Oleh itu, guru harus menyesuaikan masa mengikut aktiviti yang dilaksanakan dalam pengurusan pembelajaran.



2.2.2 Jumlah pelajar

Set aktiviti yang direka secara berkumpulan telah ditentukan jumlah pelajar pada setiap kumpulan. Andainya jumlah pelajar tidak dapat dibahagikan mengikut set aktiviti, guru dapat mengubah suai mengikut konteks dalam keadaan yang tidak jauh berbeza daripada set pembelajaran asal.

2.2.3 Persekutaran dalam bilik darjah yang sesuai dengan hak asasi manusia

Andainya guru ingin mengubah suai aktiviti mengikut konteks dalam bilik darjah, guru harus mengutamakan konteks yang berkaitan dengan hak asasi manusia supaya pelajar dapat mempelajari dan memahaminya.

2.2.4 Alat yang digunakan untuk melaksanakan aktiviti

Guru dapat mengubah suai alat atau situasi yang ditetapkan sebelum ini mengikut kesesuaian konteks sekolah atau keadaan semasa untuk penyesuaian mengikut perkembangan.

2.2.5 Penggunaan pengesyoran yang terdapat dalam unit pembelajaran

Terdapat pengesyoran dalam setiap unit pembelajaran. Andainya guru-guru ingin mengubah pengesyoran tersebut, mereka haruslah mengubah konsep seminimum mungkin untuk mencapai matlamat sebanyak mungkin.

2.2.6 Penggunaan buku panduan aktiviti P&P dapat dilakukan melalui dua bentuk iaitu:

2.2.6.1 Penggunaan buku panduan dalam melaksanakan pembelajaran mengikut kurikulum: Guru dapat menggunakan 10 unit pembelajaran yang terdapat dalam buku panduan ini untuk melaksanakan pembelajaran kursus asas atau kursus tambahan. Kursus tersebut mempunyai keselarasan dengan indikator dan silabus kursus dalam kumpulan pembelajaran pendidikan sosial, agama dan budaya.

2.2.6.2 Penggunaan buku panduan dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran kurikulum tambahan: Guru mengambil unit aktiviti tersebut untuk melaksanakan aktiviti kurikulum tambahan seperti aktiviti pembangunan moral, aktiviti kelab, mesyuarat



mengikut kelas, atau proses pelaksanaan aktiviti kem. Guru dapat memilih aktiviti-aktiviti yang sesuai dengan matlamat pelaksanaan aktiviti kurikulum tambahan.

2.3 Jenis Aktiviti

Aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam buku panduan ini merupakan aktiviti yang diwujudkan untuk pelajar memperoleh pengalaman atau dapat mengadaptasikannya dengan hak asasi manusia. Tujuan pembinaan aktiviti tersebut adalah untuk membolehkan pelajar mengadaptasikannya dengan kehidupan harian yang sebenar dan dapat mengubah tingkah laku, tanggapan yang negatif kepada budaya menghormati hak asasi manusia. Oleh itu, aktiviti yang didapati di dalam buku panduan ini dapat dibahagikan kepada beberapa jenis seperti berikut:

- 2.3.1 Penumpuan terhadap pengalaman atau hubungan dengan kehidupan harian pelajar. Penumpuan jenis ini dilakukan agar pembelajaran mereka menjadi bermakna.
- 2.3.2 Arahan untuk pelajar agar dapat berfikir dan saling memberikan pandangan antara satu sama lain akan membantu pelajar menambahkan ilmu serta dapat menerima pandangan orang lain.
- 2.3.3 Peluang untuk berdialog merupakan satu peluang bagi pelajar belajar melalui perbincangan dan pendengaran serta mampu membuat keputusan tanpa mengikut kehendak diri sahaja.
- 2.3.4 Memberikan peluang untuk berefleksi dan membuat kesimpulan ilmu yang didapati dengan menggunakan prinsip RCA yang merupakan refleksi pengalaman yang didapati (*Reflection: A*), mengadaptasi pembelajaran dengan pengalaman yang sedia ada (*Connect: C*) dan mengaplikasikan ilmu yang diperoleh (*Apply: A*).

2.4 Penilaian dan Pengukuran Pembelajaran

Penilaian berdasarkan kepada keadaan yang sebenar melalui pemerhatian kelakuan yang dibentuk melalui aktiviti yang dilakukan pelajar seperti memberikan pandangan, bekerjasama dalam kumpulan dan pelaksanaan tugas yang diberikan. Seterusnya, penilaian juga boleh dibuat melalui produk yang dihasilkan oleh pelajar



seperti catatan pembelajaran dan pembinaan produk untuk pembentangan hasil pembelajaran. Selain itu, penilaian juga boleh dilakukan oleh orang yang ada di sekeliling pelajar seperti kawan menilai kawan (*peer assessment*), dan penilaian daripada penjaga pelajar. Penilaian pembelajaran terdiri daripada tiga bentuk seperti berikut:

- 2.4.1 Penilaian hasil pembelajaran (*assessment of learning*) merupakan penilaian secara keseluruhan, sama ada pelajar lulus atau tidak mengikut matlamat pembelajaran, standard pembelajaran dan indikator yang telah ditetapkan.
- 2.4.2 Penilaian untuk membangunkan pembelajaran (*assessment for learning*) merupakan penilaian yang dilakukan pada pertengahan pembelajaran. Proses ini dilakukan melalui pemerhatian, menyoal, atau menilai melalui pencapaian yang dihasilkan pelajar. Penilaian jenis ini merupakan data untuk mengubah suai aktiviti yang sesuai dengan pelajar.
- 2.4.3 Penilaian merupakan sebahagian daripada pembelajaran (*assessment of learning*), merupakan proses yang membolehkan pelajar dapat menilai diri sendiri untuk dijadikan panduan dan kesimpulan dengan wajar terhadap pembelajaran mereka sendiri. Melalui kesimpulan tersebut, mereka dapat mengubah proses pembelajaran diri melalui catatan pembelajaran, ulang kaji dan refleksi pembelajaran mereka.

2.5 Konsep Penting pada Setiap Unit Pembelajaran dan Aktiviti

Buku panduan ini terdiri daripada 6 unit pembelajaran dan 10 set aktiviti iaitu:

Unit Pembelajaran 1: Pengetahuan asas tentang hak asasi manusia yang merangkumi kandungan makna hak asasi manusia, kepentingan hak asasi manusia dan prinsip pengisytiharan hak asasi manusia sejagat. Set aktiviti pada tahap sekolah menengah pada unit ini akan memperkenalkan asas hak asasi manusia melalui set aktiviti seperti berikut:

Set Aktiviti 1: Perang Dunia Kedua dan Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat.

Unit Pembelajaran 2: Hak asasi manusia yang berkaitan dengan warganegara merangkumi kandungan tentang hak asasi dalam hidup, hak tidak diseksa dan tidak dianiayai badan, hak untuk mendapat kewarganegaraan, hak dalam proses keadilan dan hak untuk berpindah tempat tinggal. Manakala set aktiviti pembelajaran tahap



sekolah menengah pada unit ini akan memperkenalkan hak asasi manusia yang berkaitan dengan warganegara melalui 2 set aktiviti pembelajaran seperti berikut:

Set Aktiviti 2: Hamba: Sejarah dan Latar Belakang Penindasan

Set Aktiviti 3: Undang-undang tentang Orang Pinggiran

Unit Pembelajaran 3: Hak asasi manusia yang berkaitan dengan politik dan pentadbiran merangkumi kandungan tentang hak dan kebebasan untuk kepercayaan terhadap politik, pemberian pandangan, tunjuk perasaan, perhimpunan dalam persatuan, penerbitan, pengiklanan, dan penyertaan dalam politik. Set aktiviti pembelajaran hak asasi manusia tahap sekolah menengah atas pada unit ini merangkumi hak asasi manusia tentang politik dan pentadbiran melalui set aktiviti pembelajaran seperti berikut:

Set Aktiviti 4: Kebebasan Media

Set Aktiviti 5: Penyertaan dalam Politik

Unit Pembelajaran 4: Hak asasi manusia yang berkaitan dengan ekonomi merangkumi kandungan tentang hak dalam pekerjaan, pelaksanaan pekerjaan, hak untuk mendapat gaji dan harga barang dengan adil, hak untuk diuruskan tempat untuk bekerja, hak perlindungan dalam persaingan perniagaan dengan adil, dan hak untuk memiliki pemakanan dengan kenyang. Set aktiviti pembelajaran tentang hak asasi manusia sekolah menengah atas tentang ekonomi dipelajari melalui set aktiviti seperti berikut:

Set Aktiviti 6: Buruh dan Upah yang Adil

Set Aktiviti 7: Perlindungan Pengguna dan Persaingan yang Adil

Unit Pembelajaran 5: Hak asasi manusia yang berkaitan dengan sosial dan budaya merangkumi kandungan tentang hak untuk mendapat insurans kesihatan, mendapat gaji dan pencen, hak dalam memilih jodoh, hak mendapat rawatan perubatan, hak ibu mendapat kemudahan yang disediakan, hak kanak-kanak, perempuan dan orang kurang upaya, hak tanpa berbelah bahagi dalam tindakan disebabkan perbezaan agama, politik, bangsa, umur, jantina dan warna kulit, hak dalam pendidikan, hak berpakaian mengikut kepercayaan dan kemahuan, hak tindakan mengikut budaya



dan kepercayaan, hak memiliki tempat awam untuk berehat, serta hak memiliki pusat budaya, hiburan dan kesukanan.

Set aktiviti pembelajaran hak asasi manusia tahap menengah atas pada unit ini akan mempelajari hak asasi manusia tentang sosial dan budaya melalui 2 aktiviti berikut:

Set Aktiviti 8: Keluarga dan Perkahwinan

Set Aktiviti 9: Penerimaan Kepelbagaian Budaya

Unit Pembelajaran 6: Menyimpulkan dan membentangkan hak asasi manusia yang merangkumi kandungan tentang kesimpulan hak asasi manusia dalam unit pembelajaran 1-5 secara umum untuk menentukan jalan pembentukan kedamaian dan hak asasi manusia. Set aktiviti pembelajaran hak asasi manusia tahap sekolah menengah atas pada unit ini akan mempelajari cara untuk membuat kesimpulan dan membentangkan hak asasi manusia melalui set aktiviti pembelajaran yang telah disediakan.

Set Aktiviti 10: Garis Panduan Pembentukan Keharmonian dan Hak Asasi Manusia



STRUKTUR UNIT PEMBELAJARAN, PANDUAN PELAKSANAAN AKTIVITI PEMBELAJARAAN TENTANG HAK ASASI MANUSIA TAHAP MENENGAH ATAS

NOMBOR	UNIT PEMBELAJARAN	AKTIVITI	STANDARD PEMBELAJARAN/INDIKATOR	OBJEKTIF	KONSEP PENTING	JUMLAH JAM
1	Pengetahuan Asas Hak Asasi Manusia	Aktiviti 1: Perang Dunia Kedua dan Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat	S 2.2 M.4-6/1 S 2.2 M.4-6/4	1. Pelajar dapat menghuraikan faktor yang menyebabkan pengisytiharan hak asasi manusia sejagat. 2. Pelajar dapat menganalisis hubungan kejadian yang berlaku semasa Perang Dunia Kedua dengan hak asasi manusia	Perang Dunia Kedua membawa punca kehilangan yang paling besar dalam aspek hak asasi manusia dan sebagai titik permulaan penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang membawa kepada pengisytiharan hak asasi manusia sejagat. Penubuhan PBB telah diakui dalam mesyuarat perhimpunan agung pada 10 Disember 1948 di bawah prinsip penting hal ehwal	1.5



					melindungi kehormatan manusia, hak, kebebasan, keadilan dan peluang yang saksama tanpa berbelah bahagi.	
2	Hak Asasi Manusia yang Berkaitan dengan Warganegara	Aktiviti 2: Hamba: Sejarah dan Latar Belakang Penindasan	S 2.2 M.4-6/4 S 4.2 M.4-6/2	1. Pelajar dapat mengesyorkan cara hidup bersama dalam masyarakat tanpa berlaku penindasan dan kekasaran.	Hamba sahaya merupakan kumpulan manusia yang dibatalkan segala hak dalam masyarakat, merupakan benda atau harta milik orang lain dan merupakan kumpulan manusia yang paling bawah. Munculnya perkataan ini sejak zaman tradisi, tugasnya mengabdikan diri untuk orang lain tanpa menerima gaji daripada pemiliknya dan tidak ada kebebasan dalam kehidupan harian. Biasanya hamba sahaya akan diseksa,	1.5



					diperlakukan dan didenda tanpa berperikemanusiaan. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu selaku organisasi antarabangsa yang berperanan untuk membina keamanan di dunia dan telah mengisytiharkan bahawa memiliki dan menindas hamba sahaya merupakan perkara yang melanggar hak kemanusiaan sejagat	
	Aktiviti 3: Undang-undang tentang Orang Pinggiran	S 2.2 M.4-6/1 S 2.2 M.4-6/4	1. Pelajar dapat menganalisis hubungan antara undang-undang tentang kewarganegaraan dengan orang-orang yang tidak memiliki	Kumpulan manusia yang tidak berwarganegara merupakan kumpulan yang tidak mendapat jaminan daripada mana-mana pihak untuk memberikan kerakyatan menyebabkan mereka hilang hak dalam kehidupan seperti hak dalam	1.0	



				kewarganegaraan.	pendidikan, hak dalam pekerjaan dan hak untuk menerima kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Negara Thai mempunyai undang-undang khas untuk orang yang tidak berwarganegara iaitu di bawah akta pendaftaran awam dan akta pekerjaan orang-orang asing yang memberikan kepentingan untuk orang-orang asing dalam menerima hak yang istimewa. Walau bagaimanapun masih terdapat ramai orang asing yang masih dipecahbelahkan kerana mereka orang asing. Oleh itu harus disumbangkan agar dapat diwujudkan	
--	--	--	--	------------------	--	--



					undang-undang hak kewarganegaraan.	
3	Hak Asasi Manusia yang Berkaitan dengan Politik	Aktiviti 4: Kebebasan Media	S 2.1 M.4-6/3	1. Pelajar dapat menganalisis kepentingan media massa yang dapat membina ilmu pengetahuan dan perubahan dalam masyarakat. 2. Pelajar dapat menganalisis kesesuaian media massa yang dibina apabila disebarluaskan untuk orang awam.	Pembinaan media massa melalui saluran mana pun merupakan perkara yang senang dan pantas buat masa sekarang. Walau bagaimanapun, pencipta media massa harus mempertimbangkan hak yang tidak melanggar hak orang lain. Penciptaan media massa berikut merupakan kekreatifan dan membawa kepada pembelajaran, pengesyoran pandangan serta pemeriksaan secara meluas akan memberikan kesan kepada pihak yang mendapat untung mengawal serta memotong media massa	1.0



					tersebut dan akan memberi kesan terhadap kehidupan dalam masyarakat seterusnya.	
		Aktiviti 5: Penyertaan dalam Politik	S 2.1 M.4-6/3	1. Pelajar dapat menghuraikan jenis penyertaan dalam sesuatu aktiviti dengan wajar agar tidak melanggar hak orang lain. 2. Pelajar dapat mengesyorkan cara menyertai aktiviti dengan wajar.	Prinsip Perisyntahan Hak Asasi Manusia Sejagat dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengatakan setiap manusia berhak untuk memilih cara hidup mereka sendiri termasuk politik, ekonomi, sosial, budaya dan pengurusan sumber semula jadi. Manusia juga mempunyai kebebasan dalam memberikan pandangan. Selain itu, manusia berhak untuk bersama kerajaan dalam melaksanakan aktiviti yang bermanfaat untuk masyarakat awam, kebebasan	1.0



					berkumpul secara aman, kebebasan menunjukkan perasaan dan hak untuk mengundi dengan bebas.	
4	Hak Asasi Manusia yang Berkaitan dengan Ekonomi	Aktiviti 6: Buruh dan Upah yang Adil Aktiviti 7: Perlindungan Pengguna dan	S 2.1 M.4-6/1 S 3.1 M.4-6/4 S 2.1 M.4-6/1 S 2.2 M.4-6/1	1. Untuk pelajar menganalisis ketidakadilan tentang tenaga buruh dan gaji dengan tepat. 2. Untuk pelajar mengesyorkan garis panduan pemberian gaji yang adil dan wajar. 1. Pelajar dapat menganalisis	Semua manusia berhak untuk bekerja dengan saksama, mendapat gaji dengan adil mengikut syarat-syarat yang sesuai. Tenaga buruh mesti mendapat perlindungan daripada undang-undang. Mereka juga tidak dapat dibezaikan mengikut bangsa, jantina ataupun agama. Keadaan yang menghormati hak antara majikan dengan tenaga buruh akan membawa kepada keamanan. Mekanisme harga merupakan alat penciptaan persaingan	1.5 1.5



		Persaingan yang Adil		kesan yang akan berlaku terhadap pengilang (penghasil) dan pengguna apabila berlaku persaingan yang tidak adil.	yang sesuai dalam pasaran untuk membeli dan menjual. Usaha dalam menentukan harga hingga membawa kepada pengawalan harga serta polisi kerajaan yang menyokong kepada ketidakadilan dari segi untung dan laba akan menghasilkan persaingan yang tidak adil. Orang yang menerima kesan daripada polisi ini ialah pengguna.	
				2. Pelajar dapat mengambil berat tentang hak dan perlindungan yang harus diperoleh oleh pengguna	Pemahaman tentang hak dan perlindungan yang harus diperoleh oleh pengguna daripada perundangan merupakan perkara yang penting.	



				daripada perundangan dan polisi kerajaan.		
5	Hak Asasi Manusia yang Berkaitan dengan Sosial dan Budaya	Aktiviti 8: Keluarga dan Perkahwinan	S 2.1 M.4-6/1	1. Pelajar dapat menilai hak dalam memilih pasangan hidup.	Hak dalam perkahwinan dan pembinaan keluarga harus terpelihara tanpa sebarang sekatan. Setiap bangsa, warganegara mempunyai hak yang sama dalam perkahwinan. Semasa perkahwinan, atau dalam tempoh perkahwinan, dan penceraian mesti dilakukan dengan persetujuan yang bebas daripada kedua-dua belah pihak pasangan suami isteri. Perkahwinan akan melahirkan keluarga yang merupakan unit semula jadi dan asas masyarakat yang	1.0



		Aktiviti 9: Penerimaan Kepelbagaian Budaya	S 2.2 M.4-6/4 S 2.1 M.4-6/5		harus mendapat perlindungan daripada kerajaan. 1. Pelajar dapat menghuraikan bentuk budaya majmuk. 2. Pelajar dapat mengesyorkan panduan kehidupan dalam budaya majmuk.	Prinsip pengisytiharan hak asasi manusia sejagat dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menyatakan bahawa setiap orang mempunyai kebebasan dalam penggunaan bahasa atau berkomunikasi dengan menggunakan bahasa daerah mereka, mempunyai kebebasan dalam pemakaian mengikut budaya, dan pengamalan mengikut budaya masing-masing. Pengamalan mengikut kepercayaan, penghiburan atau istirahat serta persembahan mengikut	1.0 1.5
--	--	---	--------------------------------	--	---	---	----------------



					budaya dapat dilakukan tanpa paksaan daripada mana-mana pihak.	
6	Kesimpulan dan Perbincangan tentang Hak Asasi Manusia	Aktiviti 10: Garis Panduan Pembentukan Keharmonian dan Hak Asasi Manusia	S 2.2 M.4-6/4	1. Pelajar dapat menganalisis punca, kesan dan penyelesaian persoalan tentang hak asasi manusia. 2. Pelajar dapat mengesyorkan cara hidup bersama dengan aman di bawah prinsip hak asasi manusia. 3. Pelajar dapat menggunakan kemahiran diri	Berita dan topik tentang hak asasi manusia merupakan perkara yang sentiasa dipaparkan dalam media massa. Pemaparan hak asasi manusia merangkumi hak warganegara, politik dan pentadbiran, ekonomi, budaya dan sosial. Punca pemaparan hak asasi manusia berlaku kerana dipercayai manusia kehilangan keadilan. Oleh itu jalan pembinaan keamanan dan hak asasi manusia haruslah berdasarkan kepada kesaksamaan, tidak berbelah bahagi, mengutamakan	1.0



				untuk mengesyorkan pandangan dalam pembentangan.	kehormatan manusia dan menerima kepelbagaian manusia.	
--	--	--	--	--	---	--



UNIT PEMBELAJARAN 1	PENGETAHUAN ASAS HAK ASASI MANUSIA
------------------------	------------------------------------

Aktiviti 1 : Perang Dunia Kedua dan Perisyntiharhan Hak Asasi Manusia Sejagat

Masa: 1.5 jam

KONSEP PENTING

Perang Dunia Kedua mengakibatkan berlakunya kehilangan yang besar dalam kalangan manusia. Kejadian ini merupakan titik utama berlakunya penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1945 dan berlaku pengisytiharan hak asasi manusia sejagat yang sudah diakui dalam Perhimpunan Agung PBB pada 10 Disember 1948 di bawah prinsip penting dalam mempertahankan kehormatan manusia, hak, kebebasan, keadilan dan peluang yang sama tanpa berbelah bahagi.

PENGISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT

1. Semua manusia mempunyai hak dan kehormatan diri dengan bebas dan saksama, masing-masing mempunyai alasan dan nilai-nilai tertentu. Oleh itu harus bertindak dengan saksama.
2. (1) Semua manusia mempunyai hak dan kebebasan sebagaimana yang termaktub dalam pengisytiharan ini, tanpa berbelah bahagi mengikut bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama, pandangan tentang politik, etnik, sosial, harta dan sebagainya.
(2) Tiada perbezaan apa-apa pun sama ada status dalam politik, mahkamah, antara negara atau negara yang didiaminya sama ada merdeka, di bawah jajahan maupun autonomi.
3. Semua manusia berhak untuk hidup dengan bebas dan mempunyai jaminan hidup masing-masing.

STANDARD PEMBELAJARAN

S 2.2 M.4-6/1 : Analisis dan bertindak mengikut undang-undang yang berkaitan dengan diri, keluarga, komuniti, negara dan masyarakat dunia.

S 2.2 M.4-6/4 : Menilai situasi tentang hak asasi manusia dalam negara Thailand dan mengesyorkan jalan penyelesaian.



OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Dapat menghuraikan faktor yang menyebabkan berlakunya Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat dalam Perang Dunia Kedua.
2. Dapat menganalisis hubungan kejadian yang berlaku dalam Perang Dunia Kedua yang berkaitan dengan hak dan fungsi dalam Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat.

PROSES PELAKSANAAN AKTIVITI

Tahap permulaan (10 minit)

1. Guru bertanyakan pelajar sebelum menayangkan klip video “Adakah keadaan yang berlaku dalam Perang Dunia Kedua melanggar hak asasi manusia mengikut klip video ini, dan bagaimana?”
2. Pelajar menonton klip video yang bertajuk Halaman Hidup, episod kehidupan dan kematian dalam kem Auschwitz yang memaparkan penghapusan kaum yang dilakukan oleh kaum Yahudi dalam Perang Dunia Kedua.
3. Setelah klip video selesai ditonton, guru memilih 3 orang pelajar secara rawak untuk menjawab soalan pada nombor satu (1). Kemudian pelajar saling berbincang antara satu sama lain dan guru membuat rumusan daripada pandangan para pelajar serta menghuraikan dan menghubungkan kejadian yang berlaku dalam Perang Dunia Kedua, dan latar belakang perhubungan antarabangsa dalam melaksanakan Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat selepas Perang Dunia Kedua berlaku.

Tahap aktiviti (70 minit)

1. Pelajar dibahagikan kepada 6 kumpulan (*home group*) dan setiap kumpulan mengambil gambar kejadian yang berlaku dalam Perang Dunia Kedua. Terdapat 3 keping gambar semuanya. Satu gambar mempunyai dua kumpulan yang sama.
2. Setiap kumpulan diarahkan untuk mencari maklumat yang terdapat dalam gambar, iaitu tentang kejadian yang berlaku semasa Perang Dunia Kedua. Pencarian maklumat dilakukan melalui telefon bimbit. Setiap gambar harus menjawab soalan-soalan berikut:
 - 2.1 Apakah penemuan keadaan yang berlaku dalam gambar? Bagaimanakah keadaan tersebut berlaku?
 - 2.2 Kumpulan manakah yang terdapat dalam gambar tersebut?



- 2.3 Pihak manakah yang menganiayai dan dianiayai?
- 2.4 Apakah punca yang menyebabkan penganiaya melakukan keadaan tersebut?
- 2.5 Apakah perasaan pelajar terhadap gambar tersebut?
3. Pelajar dalam setiap kumpulan diarahkan untuk mencari pasangan masing-masing. Kemudian setiap pasangan mengira nombor 1, 2, 3 hingga selesai setiap pasangan dan diarahkan lagi untuk menyertai kumpulan baru (*share group*) mengikut nombor yang dikira. Akhir sekali setiap pasangan memaparkan gambar yang terdapat dalam kumpulan (*home group*) masing-masing dan menjawab semua soalan 2.1-2.5 yang telah disediakan jawapannya untuk kawandalam kumpulan baharu (*share group*) mendengar hingga selesai.
4. Pelajar berkumpul semula mengikut kumpulan asal (*home group*) dan menilai balik keadaan yang mereka dapat daripada semua gambar yang telah diperoleh dalam *share group* untuk membentuk rajah pohon yang diperoleh daripada gambar tentang punca yang menyebabkan wujudnya Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat setelah Perang Dunia Kedua berlaku. Rajah pohon ditulis di atas kertas *flip chart* pada sebelah atas (kertas *flip chart* dibahagikan kepada dua bahagian).
5. Pelajar diarahkan untuk mencari maklumat tentang Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 30 perkara. Kemudian mereka menilai nombor manakah yang sesuai dengan gambar yang diperoleh oleh setiap kumpulan. Akhir sekali setiap kumpulan diarahkan untuk menampalkan gambar yang terdapat pada kertas *flip chart* di sebelah bawah dan menulis nombor yang mereka dapat dalam pengisytiharan sejagat yang sesuai dengan gambar tersebut.
6. Setiap kumpulan diarahkan untuk membuat pembentangan di hadapan kelas. Masa yang diberikan ialah 5 minit untuk setiap kumpulan. Ahli kumpulan saling membantu untuk menghuraikan punca yang menyebabkan berlakunya Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat melalui kejadian yang berlaku dalam Perang Dunia Kedua mengikut gambar yang telah dibahagikan dalam kumpulan. Kemudian mereka mengaitkan gambar dengan hak dan fungsi mengikut pengisytiharan hak asasi manusia sejagat dan akhir sekali menghuraikan hubungan antara gambar dengan pengisytiharan hak asasi manusia sejagat melalui gambar.



Tahap kesimpulan aktiviti


Pelajar diarahkan untuk membentangkan tajuk “Pengisytiharan hak asasi manusia sejagat merupakan titik permulaan berlakunya keamanan dan menghormati kehormatan manusia tanpa berbelah bahagi”.

ABM DAN SUMBER PEMBELAJARAN

1. Klip video yang bertajuk Halaman Hidup, episod kehidupan dan kematian dalam kem Auschwitz minit ke 0.40-5.20.
2. Laman web tentang Perang Dunia Kedua dan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat.
Penulis: Pejabat Ahli Jawatan Kuasa Hak Asasi Manusia Tahap Kebangsaan
Tajuk : Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat
Rujukan: <http://library.nhcr.or.th/ulib/document/fulltext/F03988.pdf>
3. Gambar kejadian semasa Perang Dunia Kedua sebanyak 6 set.
4. Kertas *flip chart* dan pen



Contoh: Gambar Kejadian Semasa Perang Dunia Kedua (6 Set)

Contoh	Kejadian yang berkaitan
	Kem pertahanan Auschwitz di Jerman dengan pembantaian (pembunuhan) etnik Yahudi oleh tentera Nazi.
	Buruh tawanan sebelah (<i>coalition</i>) dengan pembinaan jalan kereta api Jalan Mati melintasi Sungai Khaw.
	Unit 731 yang berperanan mengkaji dan membangunkan senjata biologi Pasukan Empayar Jepun.

Sumber gambar:

Gambar 1: ABC NEWS. (2016). Elie Wiesel in Buchenwald concentration camp. (online). html <https://www.abc.net.au/news/2016-07-10/elie-wiesel-in-buchenwald-concentration-camp/7583328?nw=0>.

Gambar 2: Adi Bloom. (2015). ‘Adolf Hitler killed 100,000 Jews’. new study reveals pupils’ lack of Holocaust knowledge. (online). html <https://www.nbcnews.com/news/world/survey-finds-shocking-lack-holocaust-knowledge-among-millennials-gen-z-n1240031>.

Gambar 3-4: pakprak. (2556). (1 ժพ ຕ່ອ 1 ໄມ້ໜ່ອນທີ່ຮອງຮາງຮູ່ໄຟ...ເປັນໄປໄດ້???) Satu Mayat Per Satu Kayu yang Terlantar di atas Jalan Kereta Api.....adakah dapat berlaku??? (online). html <http://oknation.nationtv.tv/blog/boonpong/2013/04/17/entry-1.php?id=860002>.

Gambar 5-6: Corner of knowledge. (2017). Unit 731. The Japanese Secret. (online). html <http://www.cornerofknowledge.com/unit-731-the-japanese-secret/>.

**PENILAIAN DAN PENGUKURAN**

OBJEKTIF	METODOLOGI	ALAT	TAHAP PENILAIAN
1. Pelajar dapat menghuraikan faktor yang menyebabkan wujudnya pengisytiharan hak asasi manusia sejagat melalui kejadian yang berlaku dalam Perang Dunia Kedua.	Penulisan rajah pohon, penghuraian punca dan pembentangan di depan kelas.	Set penilaian rajah pohon	Baik: menghuraikan faktor yang menyebabkan wujudnya pengisytiharan sejagat dengan tepat dan dapat menghuraikan alasan dengan jelas dan ada hubungan. Sederhana: menghuraikan sebahagian faktor yang menyebabkan wujudnya pengisytiharan sejagat dengan tepat dan kebanyakan dapat menghuraikan alasan dengan tepat dan ada hubungan. Lemah: menghuraikan faktor yang menyebabkan wujudnya pengisytiharan sejagat dengan tidak tepat serta menghuraikan secara tidak tepat dan tidak ada hubungan langsung.
2. Pelajar menganalisis hubungan yang berlaku dalam kejadian perang dunia kedua dengan pengisytiharan hak asasi manusia sejagat.	Pembentangan gambar yang didapat dan menghurai hubungan hak dan fungsi mengikut pengisytiharan HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT dengan kejadian.	Set penilaian pembentangan dan hubungan	Baik: dapat menghuraikan hubungan antara hak dan fungsi mengikut pengisytiharan sejagat dengan semua kejadian dan dapat menghurai hubungan alasan dengan jelas. Sederhana: dapat menghuraikan sebahagian hubungan antara hak dan fungsi mengikut pengisytiharan sejagat dengan semua kejadian dan dapat menghurai hubungan alasan dengan jelas. Lemah: menghuraikan punca wujudnya pengisytiharan sejagat tidak tepat serta menghurai alasan tidak jelas dan tidak ada hubungan langsung.



PENGESYORAN

1. Pembahagian kumpulan harus dilaksanakan setelah guru menerangkan proses melakukan aktiviti kerana bimbang pelajar tidak memberikan tumpuan kepada penerangan proses pelaksanaan aktiviti jika guru membahagikan kumpulan terlebih dahulu.
2. Sekiranya guru mendapati pelajar tidak mempunyai telefon pintar (*smart phone*) guru boleh membina set aktiviti pada setiap kejadian melalui kertas.
3. Digalakkan guru menyuruh pelajar mencari judul cerita yang sesuai dengan gambar terlebih dahulu. Andainya pelajar tidak dapat mencari judul cerita dalam tempoh yang disediakan, guru dapat membantu pelajar mencari nama cerita melalui bantuan kata kunci tempat kejadian berlaku seperti Auschwitz, Harbin, dan Sungai Khaw.
4. Aktiviti dalam *share group* terdiri daripada 6 gambar. Setiap gambar akan mempunyai dua kumpulan yang mendapat gambar yang sama. Oleh itu kumpulan yang mendapat gambar yang sama harus menceritakan benda yang tidak sama atau meneruskan saja huraian daripada kumpulan sebelumnya.

DEFINISI OPERASIONAL

1. **Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (Universal Declaration of Human Right: UDHR)** ialah pengisytiharan hasrat kerjasama antara negara yang merupakan perkara penting dalam menentukan skop asas tentang hak asasi manusia dan merupakan petanda hak asasi manusia kali pertama. Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengakui perkara 217 A (III) pada 10 Disember 1948. Negara Thai bersetuju dengan perakuan itu.
2. **Pembantaian (pembunuhan) etnik (genocide)** merupakan suatu tindakan yang bertujuan untuk memusnahkan kumpulan etnik, kumpulan bangsa, kumpulan warga atau kumpulan agama di dalam sesebuah negara, secara seluruh atau sebahagian. Tindakan membunuh atau menganiayai ahli dalam kumpulan daripada segi jasmani atau rohani, tindakan sengaja yang dirancang untuk memusnahkan atau menyeksua sesuatu kumpulan daripada segi kedudukan, menggunakan beberapa cara untuk



kumpulan tersebut yang bukan berbentuk ketenteraan untuk menjaga keselamatan dan memisahkan kumpulan lemah seperti kanak-kanak kepada kumpulan lain.

PENGETAHUAN UNTUK GURU

Pengisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat merupakan kejayaan bersama untuk seluruh penduduk dunia. Tujuan akhirnya adalah agar semua penduduk dan badan-badan NGO di dunia ini sentiasa mengingati pengisyiharan ini. Peringatan yang harus dilakukan oleh guru ialah usaha mengajar atau mengkaji agar dapat membentuk pelajar yang menghormati hak dan kebebasan. Melalui proses yang canggih sama ada di dalam dan luar negara dapat menyumbangkan keutamaan kehormatan manusia. Selain itu, melalui proses kecanggihan di dalam dan luar negara juga akan diterima, dihormati manusia serta betul-betul secara sejahtera sama ada tergolong dalam kalangan warga di bawah naungan sesebuah negeri dan sebagainya.

1. Semua manusia mempunyai kehormatan dan hak yang bebas dan saksama. Mereka juga mempunyai alasan dan kepercayaan yang harus bertindak antara satu sama lain secara bersaudara.
2. (1) Setiap orang berhak dan mempunyai kebebasan mengikut pengisyiharan ini tanpa berbelah bahagi mengikut bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama, pandangan politik, etnik, sosial, harta, atau status apa sahaja.
(2) Manusia tidak boleh dipecahkan mengikut status dalam politik, hal ehwal mahkamah atau hal ehwal antara negara atau tempat yang mereka tinggal sama ada negara yang ditinggalkan itu merdeka atau sebaliknya.
3. Setiap manusia berhak untuk hidup dengan bebas dan mempunyai kestabilan dalam hidup.
4. Manusia dibebaskan daripada menjadi hamba sahaya. Hamba sahaya atau jual beli hamba sahaya adalah dilarang.
5. Manusia mana pun tidak dapat diseksa, dianiyai atau didenda secara berlebihan, dihina, dikasari dan sebagainya.
6. Setiap manusia berhak untuk diterima mengikut orang undang-undang (*legal person*) dan merupakan orang undang-undang pada setiap tempat.
7. Mengikut undang-undang semua manusia adalah saksama dan berhak untuk mendapat perlindungan daripada undang-undang tanpa berbelah bahagi.



8. Setiap manusia berhak untuk menerima perlindungan mengikut undang-undang yang berkuat kuasa tahap kebangsaan terhadap tindakan yang melampaui hak asasi. Setiap manusia berhak menerimanya mengikut perlembagaan atau undang-undang.
9. Seseorang tidak dapat ditangkap, dipenjarakan atau dihalau sewenang-wenang.
10. Semua manusia berhak dengan saksama terhadap segala pertimbangan dengan adil dan terbuka dari mahkamah yang bebas dan tegak dalam menentukan hak dan tugas terhadap kesalahan apa sahaja yang mereka didakwa.
11. (1) Setiap manusia yang didakwa berlaku kesalahan mengikut penjenayah berhak untuk menghipotesiskan sebagai orang bersih (tidak bersalah) sebelum mendapat bukti yang jelas mengikut hukuman secara terbuka. Dan mereka tersebut berhak untuk menerima segala jaminan untuk melawan tuntutan mahkamah.
(2) Tidak dapat didakwa seseorang terhadap tindakan atau kesalahan sebelum mendapat hukuman kesalahan undang-undang penjenayah tahap negara atau antarabangsa dan tidak dapat dihukumkan penjenayah secara berlebihan seperti yang sedia ada.
12. Setiap orang tidak dapat diganggu dengan sewenang-wenang terhadap kedudukan peribadi dalam keluarga, tempat tinggal, dalam komunikasi atau penghinaan terhadap kehormatan dan kenamaan mereka. Semua manusia berhak untuk mendapat perlindungan undang-undang daripada gangguan dan penghinaan.
13. (1) Semua manusia berhak mempunyai kedudukan dan tempat tinggal dengan bebas dalam sesebuah negeri.
(2) Semua manusia berhak untuk keluar dari negara sendiri maupun dari negara manapun dan berhak untuk pulang kepada negara asalnya.
14. (1) Semua manusia berhak untuk mencari dan menginap di negara lain untuk melarikan diri sebagai *refugee* untuk mengelakkan diri daripada penganiayaan.
(2) Andainya didapati kesalahan lain yang bukan politik atau daripada tindakan lain yang bertentangan dengan objektif atau prinsip Bangsa-Bangsa Bersatu, orang tersebut tidak berhak untuk menggunakan hak ini.
15. (1) Setiap manusia berhak untuk memiliki satu warga negara.
(2) Seseorang tidak dapat ditolak kewarganegaraan dengan sewenang-wenangnya daripada negara asalnya.
16. (1) Lelaki dan perempuan yang sampai umur berhak untuk berkahwin, dan mendirikan rumah tangga tanpa apa-apa pun pengecualian seperti bangsa, warga negara atau agama. Setiap manusia berhak untuk berkahwin, semasa perkahwinan dan penceraian.



- (2) Pernikahan dilakukan secara suka rela dengan bebas dan jujur oleh pasangan pengantin.
 - (3) Keluarga adalah unit semula jadi asas dalam masyarakat dan berhak untuk mendapat perlindungan daripada masyarakat dan kerajaan.
17. (1) setiap manusia berhak untuk memiliki harta secara peribadi dan secara berkongsi.
- (2) seseorang tidak dapat dirampas harta dengan sewenang-wenang.
18. Setiap orang berhak untuk beragama atau mempunyai pemikiran tentang agama secara bebas. Hak ini termasuk kebebasan dalam mengiklankan agama, kepercayaan peribadi melalui cara mengajar, mengamalkan ibadat dan kepercayaan sama ada secara peribadi atau berkumpulan di tempat awam atau tempat peribadi.
19. Setiap orang mempunyai hak kebebasan dalam memberikan pandangan tanpa halangan daripada mana-mana pihak atau untuk mencari keuntungan. Mereka juga berhak untuk menerima dan menyebarkan berita dan pandangan melalui cara-cara mana sahaja tanpa membatasi kawasan.
20. (1) Setiap orang berhak mengadakan mesyuarat dan menciptakan persatuan dengan secara aman dengan bebas.
- (2) Seseorang tidak dapat dipaksa untuk mengikuti sesuatu persatuan.
21. (1) Setiap orang berhak untuk menyertai dalam urusan kerajaan mereka, sama ada secara terus atau melalui wakil rakyat yang telah dipilih melalui undian.
- (2) seseorang berhak untuk mendapat perkhidmatan awam dalam negara masing-masing dengan saksama.
- (3) Hasrat rakyat merupakan asas kuasa kerajaan. Hasrat ini harus disebarluaskan melalui pengundian yang diadakan mengikut masa yang jelas dan tepat melalui pencarian suara secara umum dengan saksama dan pemilihan harus dilakukan secara rahsia atau pemilihan dilakukan secara bebas.
22. Setiap manusia selaku ahli masyarakat mempunyai hak dalam menstabilkan diri dalam masyarakat, menguasai ekonomi, masyarakat dan budaya. Semua ini merupakan kepentingan terhadap kehormatan diri dan terhadap pembangunan diri dengan bebas mengikut kemampuan negara, perhubungan antarabangsa mengikutkekayaan yang didapati dalam sesebuah negeri.
23. (1) Setiap orang berhak untuk bekerja, memilih kerja dengan bebas dalam keadaan yang adil, bermanfaat untuk kerjaya dan perlindungan daripada pengangguran.
- (2) Setiap orang berhak untuk mendapat gaji yang adil dalam pekerjaan yang sama tanpa bebelah bagi.



- (3) Setiap orang yang bekerja berhak mendapat gaji yang adil dan bermanfaat, dapat menyara hidup diri dan keluarga sesuai dengan kehormatan diri sebagai manusia. Andainya dapat, mereka ini harus mendapat perlindungan lain-lain lagi dari masyarakat.
- (4) Setiap orang berhak untuk mengadakan atau mengikuti persatuan buruh untuk perlindungan dan kepentingan diri.
24. Setiap orang berhak untuk rehat dan mempunyai masa lapang serta mengehadkan masa kerja mengikut kesesuaian. Manakala untuk kerja tambahan pada hari cuti harus mendapat pendapatan tambahan.
25. (1) Setiap orang berhak mempunyai cara hidup yang standard, mencukupi untuk kesihatan dan kehidupan yang baik untuk keluarga, makanan, pakaian, tempat tinggal, perubatan dan perkhidmatan yang perlu di dalam masyarakat. Selain itu, seseorang juga berhak mempunyai kestabilan pada masa lapang, sakit, cedera, warga emas atau semasa hilang pekerjaan (menganggur) yang di bawah kuasa yang dikawal oleh mereka.
- (2) Ibu dan kanak-kanak berhak mendapat perubatan dan pertolongan secara istimewa. Semua kanak-kanak harus mendapat perlindungan daripada masyarakat, sama ada mereka dilahirkan secara pernikahan yang sah atau di luar pernikahan sekalipun.
26. (1) Setiap orang berhak dalam pendidikan. Pendidikan percuma diberikan sekurang-kurangnya pada tahap sekolah rendah dan pendidikan asas. Tahap sekolah rendah dijadikan sebagai tahap wajib belajar. Pendidikan vokasional harus dijadikan sebagai pendidikan terbuka yang dapat dimasuki oleh setiap lapisan pelajar demikian juga dengan pendidikan pada tahap tinggi.
- (2) Pendidikan harus dijadikan tempat membangunkan sahsiah manusia dengan lengkap tetapi masih menghormati hak asasi manusia. Manakala pembinaan kebebasan asas dengan kuat itu harus menyumbangkan pemahaman, fleksibel, persahabatan dalam komuniti, kumpulan bangsa atau agama. Selain itu, harus dapat sokongan tentang aktiviti dalam Bangsa-Bangsa Bersatu demi mempertahankan keamanan.
- (3) Ibu bapa berhak untuk memilih sekolah anak-anak mereka.
27. (1) Setiap orang berhak untuk menyertai budaya dengan bebas yang dapat menghiburkan hati tentang kesenian dan menyertai perkembangan baharu yang dapat menyumbangkan sains.
- (2) Setiap orang berhak mendapat perlindungan material dan spiritual daripada kesan pembinaan produk pada bahagian sains, kesusasteraan yang direka sendiri.



28. Setiap orang berhak dalam peraturan masyarakat atau antarabangsa. Semua ini merupakan matlamat akhir mengikut hak dan kebebasan yang dinobatkan dalam pengisytiharan sejagat ini.
29. (1) Setiap orang bertanggungjawab terhadap komuniti dengan membangun sahsiah diri secara bebas. Yang berhak melakukan ialah komuniti sahaja.
(2) Dalam penggunaan hak dan kebebasan diri harus dilakukan secara terbatas, hanya dilakukan mengikut undang-undang sahaja demi kepercayaan dan menghormati hak dan kebebasan orang lain mengikut kesesuaian. Manakala berdepan dengan permintaan harus merupakan perkara yang tepat dengan kepercayaan (pegangan), keamanan rakyat dan perkhidmatan umum dalam masyarakat demokrasi.
(3) Hak dan kebebasan ini tidak dapat digunakan untuk membantah objektif dan prinsip Bangsa-Bangsa Bersatu, walau dalam keadaan apa-apa pun.
30. Tidak didapati pada mana-mana bahagian dalam pengisytiharan ini yang mengatakan memberi hak kepada kerajaan, kumpulan manusia, atau individu melakukan sesuatu perkara yang melanggar hak dan kebebasan seperti mana yang didapati di sini.



UNIT PEMBELAJARAN 2	HAK ASASI MANUSIA YANG BERKAITAN DENGAN WARGANEGARA
--------------------------------	--

Aktiviti 2: Hamba: Sejarah dan Latar Belakang Penindasan

Masa: 1.5 jam

KONSEP PENTING

Hamba sahaya bermaksud kumpulan manusia yang dihapuskan segala hak dalam masyarakat, diibaratkan sebagai benda atau milik orang lain. Hamba sahaya merupakan kumpulan paling bawah pada zaman dahulu, berfungsi untuk berkhidmat kepada pemiliknya tanpa gaji dan tidak mempunyai kebebasan dalam hidup. Biasanya mereka ini akan diseksa atau didenda dengan teruk (tidak berperikemanusiaan). Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu selaku organisasi antarabangsa yang berperanan untuk mengamankan dunia menetapkan bahawa penindasan terhadap hamba sahaya adalah perkara yang melampaui hak manusia di dunia ini.

PENGISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT

1. Semua manusia mempunyai hak dalam kehidupan dan kestabilan dalam diri.
2. Manusia mana-mana pun tidak boleh dipaksa untuk dijadikan hamba sahaya. Penghambaan, perniagaan hamba sahaya atau mana-mana cara adalah dilarang.
3. Manusia mana-mana pun tidak boleh diseksa, dizalimi atau dianiayai secara tidak berperikemanusiaan.

STANDARD PEMBELAJARAN

S 2.1 M.4-6/4: Menilai keadaan hak asasi manusia di negara Thai dan mencadangkan cara untuk membangunkan hak asasi manusia.

S 2.2 M.4-6/4 : Menganalisis keadaan-keadaan penting yang memberikan kesan terhadap perubahan dalam masyarakat, ekonomi dan politik menuju zaman sekarang.

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Pelajar dapat mencadangkan cara untuk hidup bersama tanpa penekanan atau keganasan.

PROSES PELAKSANAAN AKTIVITI

Tahap permulaan (10 minit)

1. Pelajar diarahkan untuk memberikan maksud hamba sahaya, kemudian guru mencatatkan kata kunci yang dicadangkan pelajar di papan hitam.



2. Pelajar membincangkan kata-kata kunci yang terdapat di papan hitam tersebut terhadap sekatan hak manusia yang didapati.
3. Guru menerangkan pengisytiharan hak asasi manusia nombor 3-5 dan menghuraikan hubungan perbincangan pelajar pada nombor kedua untuk membawa pelajar kepada aktiviti seterusnya.

Tahap aktiviti (70 minit)

1. Pelajar dibahagikan kepada 6 kumpulan kemudian diarahkan pelajar untuk mencari maklumat tambahan dalam Masa: 10 minit mengikut tajuk berikut:

KUMPULAN	TAJUK	MAKLUMAT YANG DICARI
1 dan 2	Tingkat hamba sahaya di negara Thai	- Jenis dan/atau unsur penting - Cara hidup hamba sahaya
3 dan 4	Kasta Hindu dalam masyarakat India	- Tindakan daripada pemiliknya - Cara untuk hidup di dalam masyarakat tanpa penekanan dan penzaliman
5 dan 6	Perniagaan hamba sahaya yang berkulit hitam dalam masyarakat Amerika.	

2. Setiap kumpulan mencipta gambar kartun sebanyak 10 gambar untuk menggambarkan cara hidup serta tindakan yang dilakukan terhadap hamba sahaya. Pada 5 gambar sebelah kiri mereka dikehendaki melukis gambar kartun pada zaman konservatif. Masa yang diberikan untuk melukis gambar pada setiap kumpulan ialah 15 minit dan masa untuk membentang tugas ialah 3 minit.
3. Guru menentukan perkara yang akan dibincangkan semasa pembentangan berlangsung ialah:
 - 3.1 Persamaan hamba sahaya antara negara India, Amerika dan Thailand;
 - 3.2 Bagaimanakah ciri-ciri yang menunjukkan perniagaan manusia, penindasan, tindakan yang dilakukan serta penzaliman melalui gambar-gambar kartun tersebut.
 - 3.3 Apakah sebab negara Thai menghapuskan hamba sahaya, negara India melonggarkan kasta dalam masyarakat dan negara Amerika Syarikat mengeluarkan undang-undang menghapuskan hamba sahaya?



4. Manakala 5 gambar kartun sebelah kanan pelajar diarahkan untuk melukis dan membentang kasta buruh setelah penghapusan hamba sahaya berlaku. Pelajar diminta untuk membandingkan tindakan tanpa penzaliman dan penyeksaan dengan gambar kartun di sebelah kiri 5 gambar sebelum ini. Setiap kumpulan diberikan masa untuk mencari maklumat selama 15 minit dan masa untuk pembentangan sebanyak 3 minit.
5. Pelajar sama-sama membuat kesimpulan tentang cara untuk hidup bersama tanpa penindasan dan penzaliman yang sesuai mengikut konteks negara Thai, India dan Amerika. Kemudian menganalisis perbezaan garis panduan pada setiap negara dan setakat manakah pada setiap negara mempunyai garis panduan yang menyumbangkan cara hidup bersama tanpa penindasan.

Tahap kesimpulan aktiviti (10 minit)

Pelajar diarahkan untuk membentangkan dua perkara berikut:

1. Apakah alasan yang menyebabkan negara Thai dan Amerika Syarikat membatakan hamba sahaya dan melonggarkan kasta masyarakat dalam negara India.
2. Keperluan melindungi hak asasi manusia untuk mengelak daripada penzaliman, perniagaan manusia kes hamba sahaya.

ABM DAN SUMBER PEMBELAJARAN

1. Maklumat tentang kelas hamba sahaya di negara Thai, kasta masyarakat India dan perniagaan hamba sahaya di negara Amerika Syarikat.
2. Kertas *flip chart* dan pen berwarna-warni.

PENILAIAN DAN PENGUKURAN

Objektif	Metode	ABM	Tahap penilaian
Pelajar menyediakan garis panduan hidup bersama tanpa penindasan.	Melukiskan gambar kartun untuk membentangkan cerita dalam masyarakat Thai dan tenaga buruh.	Buku menilai gambar kartun.	Baik: menyediakan garis panduan hidup bersama tanpa penindasan yang sesuai.



			<p>mengikut keadaan masyarakat.</p> <p>Sederhana: menyediakan garis panduan hidup bersama tanpa penindasan, tetapi tidak sesuai dengan keadaan masyarakat.</p> <p>Lemah: menyediakan garis panduan hidup bersama tanpa penindasan, tetapi tidak sesuai mengikut keadaan masyarakat.</p>
--	--	--	---

PENGESYORAN

1. Pembahagian kumpulan harus dilaksanakan setelah guru selesai menerangkan proses melakukan aktiviti, kerana bimbang pelajar tidak dapat memberikan tumpuan kepada penerangan guru tentang proses pelaksanaan aktiviti sekiranya guru melaksanakan pembahagian kumpulan terlebih awal.
2. Sekiranya guru mendapati pelajar tidak mempunyai telefon pintar (*smart phone*) guru dapat membina set aktiviti pada setiap kejadian melalui kertas.

DEFINISI OPERASIONAL

1. **Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (Universal Declaration of Human Right: UDHR)** ialah pengiklanan hasrat kerja sama antara negara, yang merupakan perkara penting dalam menentukan skop asas tentang hak asasi manusia dan merupakan petanda hak asasi manusia kali pertama. Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-



Bangsa Bersatu telah memperakui perkara 217 A (III) pada 10 Disember 1948. Negara Thai bersetuju dengan perakuan itu.

2. Jenis hamba sahaya dalam negara Thai

- 2.1 Hamba sahaya *nai reouan bear* (*slave in pawn*) atau anak hamba sahaya yang dilahirkan oleh ibu bapa yang menjadi hamba sahaya.
- 2.2 Hamba sahaya sin Thai ialah orang bawahan (*plebs*) yang menjual diri untuk menjadikan diri sebagai hamba sahaya (*slave*) kerana kemiskinan.
- 2.3 Hamba sahaya Chaloiy (tawanan) ialah hamba sahaya daripada peperangan (mula wujud pada zaman pemerintahan kerajaan Sukhothai).
- 2.4 Hamba sahaya Than (majikan) ialah hamba sahaya yang dapat diberi antara satu sama lain.
- 2.5 Hamba sahaya *moradok* (pusaka) ialah hamba sahaya yang didapati daripada pusaka nenek moyang.
- 2.6 Hamba sahaya *thi chuai wai jak thanthod* iaitu hamba sahaya yang dibantu daripada hukuman jenayah.
- 2.7 Hamba sahaya yang dipelihara semasa ekonomi merosot iaitu hamba sahaya yang berada pada masa ekonomi merosot.

Status hamba sahaya mempunyai hubungan rapat dengan pendapatan ekonomi yang rendah. Hal ini bermaksud, apabila kekurangan harta atau duit terpaksa mereka menjual diri, menjual anak, menjual isteri mahupun kekalahan semasa peperangan untuk dijadikan hamba sahaya. Hamba sahaya tidak mempunyai hak dalam hidup dan dalam pekerjaan. Hamba sahaya hanya bekerja untuk pemilik dengan tanpa gaji.

3. Suderan (*Sudra*) merupakan jenis golongan atau kasta terendah dalam masyarakat Hindu pada keempat-empat kasta iaitu raja, Brahman, doktor dan sederan. Suderan merupakan jenis kelas terendah yang mempunyai kulit hitam atau disebut *dravidian*. Fungsi *suderan* ialah melayani kumpulan lain yang lebih tinggi tarafnya, hampir sama dengan hamba sahaya. Manusia yang berada dalam kumpulan sederan termasuk buruh, hamba sahaya, petani. Suderan boleh menerima kerja yang pelbagai jenis seperti mencuci pakaian, menerima kerja ladang, pertanian ataupun memelihara binatang di bawah jagaan majikan. Susu lembu atau makanan bagi golongan Hindu tidak boleh disentuh oleh kumpulan sederan, kerana makanan tersebut akan malang apabila disentuhnya. Kumpulan sederan tidak dapat bekerja bebas di luar garisan yang telah ditetapkan.



4. Perniagaan hamba sahaya yang berkulit hitam merupakan penjaga menjual hamba sahaya dari masyarakat Afrika kepada Amerika untuk menukar dengan senapang atau alat lain-lain. Kumpulan yang dijual akan dibawa untuk menjaga ladang yang luas pada zaman 16 hingga 17-an. Melalui perniagaan inilah timbulnya isu perkauman walaupun kulit dan bangsa dalam masyarakat Amerika pada masa itu.

PENGETAHUAN UNTUK GURU

Pengisytiharan hak asasi manusia sejagat:

1. Semua manusia berhak untuk hidup dengan bebas dan mempunyai jaminan dalam hidup.
2. Sesiapa sahaja tidak boleh dirampas atau dipaksa untuk dijadikan sebagai hamba sahaya. Status hamba sahaya, perniagaan hamba sahaya atau apa-apa bentuk tentang hamba sahaya adalah larangan
3. Sesiapa sahaja tidak boleh diseksa, dianiaya, dihina atau dihukum dengan melampaui batasan.



UNIT PEMBELAJARAN 2	HAK ASASI MANUSIA YANG BERKAITAN DENGAN WARGANEGARA
--------------------------------	--

Aktiviti 3 Undang-undang tentang Orang Pinggiran

Masa: 1 jam

KONSEP PENTING

Orang-orang pinggiran merupakan kumpulan yang tidak diberikan perhatian, tidak diberikan peluang dan tidak diberikan hak daripada orang-orang ramai. Alasan ketidakprihatinan tersebut kerana mereka menganggap golongan ini tinggal di luar masyarakat orang ramai. Pihak orang awam atau kerajaan dapat menyekat hak kemanusiaan melalui beberapa proses seperti daripada polisi kerajaan. Secara sepantas lalu tidak dapat dilihat sekatan yang dilakukan kerajaan terhadap mereka, kerana polisi kerajaan yang didapati dapat menutup ketidakadilan terhadap kumpulan ini. Kesan yang didapati daripada keadaan tersebut ialah kumpulan ini tidak mempunyai kuasa untuk menuntut, tidak berpeluang untuk berpendidikan, tidak mempunyai cara untuk mendapatkan kuasa dan dilarang untuk keluar daripada sistem tuntutan kuasa serta pemberian segala kemudahan daripada kerajaan. Kumpulan yang dimaksudkan di sini termasuk kumpulan minoriti, kumpulan yang berhijrah, orang yang tinggal di kawasan kumuh (*slum*), peladang, pesawah di pedalaman, bohsia, tenaga buruh yang tidak mempunyai kemahiran, buruh warga asing dan lain-lain. Oleh itu kita harus bekerja sama untuk membangun dan mencari jalan penyelesaian untuk memperbaiki undang-undang yang berkaitan.

PENGISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT

1. Semua manusia mempunyai hak untuk diterima sebagai orang yang sah mengikut perundangan pada setiap tempat.
2. Semua manusia mempunyai persamaan dalam perundangan dan berhak untuk menerima perlindungan undang-undang dengan saksama. Dalam keadaan yang sama, setiap orang berhak untuk menerima perlindungan yang adil daripada pilih kasih, kerana tindakan tersebut merupakan tindakan melanggar pengisytiharan.
3. Seseorang tidak dapat ditangkap, dikurung atau dihalau untuk keluar dari kawasan atau negara dengan sewenang-wenangnya.
4. (1) Setiap orang berhak untuk bergerak dan tinggal di mana-mana negeri dalam sesebuah negara dengan bebas.



(2) Setiap orang berhak untuk keluar ke negara mana-mana sahaja atau keluar dan masuk dalam negara asalnya.

5. (1) Setiap orang berhak untuk mencari dan dapat tinggal di mana-mana negara untuk menyelamatkan diri daripada hukuman gantung.

(2) Dilarang untuk menggunakan hak ini andainya seseorang tidak melakukan kesalahan politik atau tindakan yang bercanggah dengan objektif dan prinsip Bangsa-Bangsa Bersatu.

6. (1) Setiap manusia berhak untuk memiliki satu warganegara.

(2) Seseorang tidak dapat ditolak sebagai warganegara dalam sesebuah negara atau ditolak apabila seseorang ingin menukar warganegara.

STANDARD PEMBELAJARAN

S 2.2 M.4-6/1: Analisis dan melaksanakan mengikut undang-undang terhadap diri, keluarga, komuniti, negara dan masyarakat dunia.

S 2.2 M.4-6/4: Menilai keadaan hak asasi manusia dalam negara Thai dan mencadangkan jalan untuk pembangunan.

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Pelajar dapat menganalisis hubungan antara perundangan dan kesan yang akan berlaku terhadap orang pinggiran.

PROSES PELAKSANAAN AKTIVITI

Tahap permulaan (10 minit)

1. Guru menunjukkan gambar tentang orang pinggiran, yang mana kumpulan ini sentiasa tidak diberikan perhatian, tidak dipedulikan dan tidak diberikan hak. Gambar yang ditunjukkan terdiri daripada empat gambar iaitu gambar orang berhijrah, orang yang tinggal dalam kawasan kumuh (*slum*), gambar orang minoriti, gambar tenaga buruh, gambar orang asing seperti dalam Aktiviti 3.1.
2. Guru mengarahkan pelajar mencari persamaan yang terdapat pada setiap gambar orang pinggiran tersebut.



Contoh jawapan: Setiap gambar mempunyai persamaan melalui sekatan polisi kerajaan terhadap setiap golongan yang terdapat di dalam gambar tersebut. Kedua-dua tersebut menyebabkan mereka ini tidak diberi hak atau prihatin. Kumpulan inilah dipanggil sebagai orang pinggiran.

3. Guru berbincang lagi tentang keadaan orang pinggiran di negara Thai sekarang. Orang pinggiran yang masih didapati di negara tersebut ialah orang minoriti, orang berhijrah, orang yang tinggal di kawasan longkang atau kumuh (*slum*), peladang, pesawah yang tinggal pedalaman, bohsia, tenaga buruh yang tidak mempunyai kemahiran, buruh warga asing dan lain-lain untuk mengaitkan dengan isi.

Tahap aktiviti (45 minit)

1. Pelajar dibahagikan kepada empat kumpulan. Setiap kumpulan diselangi dengan pelajar pintar, sederhana dan lemah. Perkara yang harus dianalisis pada setiap kumpulan adalah seperti berikut:

Kumpulan 1: Tentang orang berhijrah

Kumpulan 2: Tentang orang dalam kumuh (*slum*)

Kumpulan 3: Tentang orang minoriti

Kumpulan 4: Tentang tenaga warga asing

2. Tajuk yang didapati harus dianalisis masalah yang dihadapi serta perundangan yang berkaitan. Penganalisisan dilakukan melalui pencarian daripada Internet.

Kumpulan 1: Tentang orang berhijrah dapat dicari maklumat tambahan dalam perundangan tentang pelarian.

Kumpulan 2: Tentang orang dalam kumuh (*slum*) dapat dicari maklumat tentang punca, kesan yang berlaku serta mengaitkannya dengan undang-undang daripada kesan yang berlaku tersebut. Contohnya orang yang tinggal dalam pembetungan longkang mempunyai pendapatan yang rendah, mereka terpaksa mencari pendapatan dengan cara yang salah seperti bermiaga dadah. Maka mempunyai hubungan dengan akta perundangan dadah yang memberi kesan negatif (penganalisisan bergantung pada punca dan kesan yang dilakukan pelajar di dalam kumpulan) dan sebagainya.

Kumpulan 3: Mencari maklumat tentang orang minoriti dan akta kebangsaan tentang permohonan/pertukaran kepada warga negara Thai.



Kumpulan 4: Tentang tenaga warganegara asing dapat dicari maklumat tambahan daripada akta pekerjaan bagi warganegara asing dalam perkara kemasukan orang asing untuk mencari kerja.

3. Penganalisisan daripada setiap kumpulan akan ditulis dalam kertas Aktiviti 3.2 “Perundangan dengan orang pinggiran” nombor 1-3.
4. Pembentangan harus dilakukan oleh setiap kumpulan dengan menggunakan masa antara 5-10 minit.

Tahap kesimpulan aktiviti (10 minit)

1. Guru dan pelajar saling menganalisis kesesuaian yang harus didapati sebagai manusia tentang punca serta perundangan yang berkaitan dengan warganegara asing yang berkaitan dengan orang pinggiran. Kemudian sama-sama mengeluarkan pandangan tentang penyelesaian permasalahan tersebut melalui penulisan dalam kertas Aktiviti 3.2 “Perundangan orang pinggiran” (nombor 4).
2. Guru memilih pelajar pada setiap kumpulan secara rawak untuk mengemukakan jalan penyelesaian.
3. Guru dan pelajar membuat kesimpulan bersama tentang pengesahan perundangan orang pinggiran tersebut belum berpada untuk seseorang manusia. Perundangan tersebut harus ditambah baik, kerana semua manusia mempunyai hak yang sama dan berhak untuk menerima perlindungan daripada kerajaan dengan saksama tanpa berbelah bahagi.
4. Guru dan pelajar berbincang lagi tentang pihak yang mendapat kesan daripada perundangan di atas.

ABM DAN SUMBER PEMBELAJARAN

Aktiviti 3.1: Gambar tentang Orang Pinggiran

Aktiviti 3.2: Undang-undang tentang Orang Pinggiran



PENGUKURAN DAN PENILAIAN

OBJEKTIF	METODOLOGI	ABM	TAHAP PENILAIAN
Pelajar menganalisis hubungan antara perundangan dengan kesan yang didapati oleh orang pinggiran.	<ul style="list-style-type: none">- Aktiviti menjawab soalan di dalam kelas.- Sesi menjawab soalan dalam aktiviti.- Pembentangan di dalam kelas.	<ul style="list-style-type: none">- Buku senarai nama,- Set aktiviti “Perundangan orang pinggiran”,- Buku catatan pemerhatian pembentangan di dalam kelas.	Baik: pelajar dapat menjawab soalan lebih daripada 80 peratus. Sederhana: pelajar dapat menjawab soalan antara 50-70 peratus. Lemah: pelajar dapat menjawab soalan kurang daripada 50 peratus.

PENGESYORAN

Pengurusan masa semasa pembentangan harus berada dalam masa yang telah ditetapkan.

DEFINISI OPERASIONAL

Orang pinggiran (*marginalized group of people*) merupakan kumpulan orang yang tidak mempunyai kuasa dalam berunding, kurang berpendidikan, tiada alat untuk menuju kepada kuasa, mendapat sekatan untuk keluar daripada sistem perundangan serta peruntukan sumber. Kumpulan ini mempunyai beberapa ciri perbezaan daripada orang awam seperti etnik, kulit, agama, ideologi, pendidikan, pendapatan dan pangkat dalam masyarakat. Kumpulan ini termasuk kumpulan minoriti, kumpulan yang berhijrah, orang yang tinggal dalam kawasan kumuh (slum), peladang, pesawah di pedalaman, bohsia, tenaga buruh yang tidak mempunyai kemahiran, buruh warga asing dan lain-lain.



PENGETAHUAN UNTUK GURU

Nilai kemanusiaan adalah sama walaupun berbeza bangsa, jantina, kulit, bahasa, agama, budaya, keturunan, pangkat tinggi atau rendah dan sebagainya. Nilai seseorang manusia mempunyai kepentingan dalam kehidupan mereka, bermulanya daripada hidup di dalam masyarakat, komuniti, keluarga, perhubungan antara satu sama lain, pekerjaan, pendidikan, serta politik dan sebagainya. Kerajaan dan masyarakat harus menghormati tanpa menyekat, menghina, menganiaya atau bertindak seperti binatang atau bukan manusia. Semua manusia mempunyai nilai dan harga diri dalam hidup kerana mereka mempunyai nyawa, mempunyai badan, mempunyai darah dan isi, mempunyai perasaan dan mempunyai jiwa.

Penggunaan penghormatan diri individu dalam prinsip hidup akan selamat daripada perasaan menganggap bangsa atau etnik sendiri lebih tinggi daripada bangsa atau etnik lain. penghormatan nilai seseorang manusia akan mengelak daripada penzaliman, pembunuhan, keganasan dan sebagainya. Walaupun sekarang penghormatan tentang kemanusiaan telah tersebar luas, namun masih lagi mempunyai sekatan dan melanggar peraturan penghormatan kemanusiaan seperti topik tentang orang pinggiran seperti dalam aktiviti sebelum ini. Oleh itu, harus sama-sama menyelesaikan permasalahan ini.

Perundangan telah menobatkan perihal orang pinggiran dengan jelas, namun masih lagi mempunyai permasalahan terhadap orang pinggiran. Permasalahan yang berlaku disebabkan anggapan (*attitude*) yang negatif terhadap kumpulan ini. Tidak dapat dinafikan bahawa pihak kerajaan atau swasta masih lagi beranggapan bahawa orang pinggiran ialah pelarian dari negara luar dan menganggap kumpulan ini merupakan kumpulan yang tidak penting dalam masyarakat. Anggapan tersebut menyebabkan masalah orang pinggiran masih wujud. Oleh itu, harus mengadakan pertukaran pandangan tentang orang pinggiran antara pihak kerajaan dan swasta secara serius untuk mengubah tangkapan minda dan memahami orang pinggiran lebih mendalam.



Aktiviti 3.1

Gambar tentang Orang Pinggiran

1.1 Gambar pelarian



Sumber: Amnesty. (2559). Kumpulan Rohingya di negara Thai mengirim surat kepada Aung-san Suci (กลุ่มชาวโรHINGYAในประเทศไทยเขียนจดหมายถึงองค์กรชาติ). (online). Html <https://www.amnesty.or.th/latest/blog/23/>

1.2 Gambar orang dalam pembentung longkang



Sumber: dipetik: Tong. (2560). Inilah rumah! Orang miskin tinggal di dalam lombong, kumuh konkrit, makan tidur di dalam lombong kecil di tepi jalan, terlalu suram (นี่แหลกบ้าน!! คนจนยากไร้ อาศัยอยู่ในท่อ ลอดคอนกรีต กินนอนในท่อเล็กๆ ช่างดูนั้น หลุดหูมาก !!). (online). Html <https://www.amnesty.or.th/latest/blog/23/> <https://socia>

1.3 Gambar orang minoriti



Sumber: selfaccess10. Kumpulan minoriti (ชนกลุ่มน้อย). (online). Html http://119.46.166.126/self_all/_selfaccess10/m4/social4_1/lesson3/more3-1/item3_5.php

1.4 Gambar buruh asing



Sumber: NN1234. (2015). Dengar cerita tidak benar...tentang buruh asing lari balik ke negara asal (ฟังความเห็น..เรื่องแรงงานต่างด้าวหนีกลับประเทศไทย). (online). Html <http://oknation.nationtv.tv/blog/nn1234/2014/06/17/entry-1>



Aktiviti 3.2

Undang-undang tentang Orang Pinggiran

- 1) Punca/kesan masalah yang didapati.

.....
.....
.....
.....
.....

- 2) Undang-undang yang berkaitan.

.....
.....
.....
.....
.....

- 3) Kandungan undang-undang yang berkaitan dengan keadaan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

- 4) Dari pada permasalahan tersebut, bagaimanakah caranya pelajar menyelesaikan masalah untuk menggunakan hak asasi manusia terhadap orang pinggiran.

.....
.....
.....
.....
.....



UNIT PEMBELAJARAN 3	HAK ASASI MANUSIA YANG BERKAITAN DENGAN POLITIK
--------------------------------	--

Aktiviti 4: Kebebasan Media

Masa: 1.6 jam

KONSEP PENTING

Penciptaan media massa pada masa sekarang amat mudah dan pantas. Penciptaan media massa harus membentuk media yang kreatif dan dapat berlaku pembelajaran daripada pihak pengguna. Pencipta media massa harus mengutamakan hak orang ramai, tidak melanggar hak mereka dan tidak melampaui batasan orang lain. Amalan mengkritik dan memeriksa yang dilakukan oleh pencipta media massa mengakibatkan pihak yang terbabit dengan keuntungan tersebut mengawal kebebasan media massa dan akan memberi kesan pelaksanaan dan hidup pencipta media massa.

PENGISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT

Setiap orang berhak dan mempunyai kebebasan dalam mengemukakan pandangan dan menunjukkan perasaan. Pembebasan itu termasuk pendirian yang teguh tanpa desakan daripada pihak yang lain, setiap media massa mempunyai kebebasan yang sama dan di mana-mana sahaja berada.

STANDARD PEMBELAJARAN

S 2.2 M.4-6/3: Mengamalkan atau memberikan sokongan untuk orang lain membuat amalan baik mengikut cara-cara yang ditetapkan dalam masyarakat,

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Pelajar dapat menganalisis hubungan antara perundangan dan kesan yang akan berlaku terhadap orang pinggiran.
2. Pelajar dapat menganalisis kesesuaian media yang hendak disiarkan.
3. Pelajar dapat mengambil berat terhadap penciptaan media massa yang tidak melanggar hak orang lain.

PROSES PELAKSANAAN AKTIVITI



Tahap Permulaan (15 minit)

1. Guru menyediakan kad kata yang berkaitan dengan media massa atau aplikasi yang berkaitan dengan komunikasi sebanyak 20 perkataan, seperti dalam Aktiviti 4.1 yang terdiri daripada:
 - 1) Line 2) Messenger 3) Twitter 4) WhatsApp 5) Google 6) Instagram
 - 7) Facebook 8) YouTube 9) Televisyen 10) Radio 11) Akhbar 12) Majalah
 - 13) Buku 14) Papan Iklan 15) Telefon Rumah 16) E-mel 17) Surat 18) CD/DVD
 - 19) Gambar 20) Pager
2. Pelajar diarahkan untuk mencari pasangan dan tampil ke hadapan untuk mengundi kad kata, satu gambar untuk satu kumpulan. Kemudian diarahkan untuk mencari maklumat yang terdapat di dalam gambar tersebut. Tajuk yang mesti dicari maklumat termasuk cara penggunaan media massa yang diperoleh oleh kumpulan masing-masing, apakah kekuatan dan kelemahan media massa tersebut. Tempoh masa yang diberikan ialah 5 minit.
3. Guru mengarahkan setiap kumpulan berkumpul mengikut kad kata yang didapati. Kumpulan pertama berada di sebelah kiri kelas tentang media massa berbentuk online, manakala kumpulan kedua harus bergerak kepada sebelah kanan kelas, tentang media massa berbentuk *offline*.
4. Guru memilih dua kumpulan pada sebelah kiri dan dua kumpulan yang berada di sebelah kanan secara rawak. Kumpulan yang dirawak harus menghuraikan alasan kenapa dianggap kad kata yang didapati tergolong ke dalam media massa berbentuk online atau offline? Apakah kekuatan dan kelemahan media massa yang didapati tersebut? Kemudian guru menghuraikan lagi secara mendalam.
5. Pelajar diarahkan lagi untuk berkumpul mengikut jenis media massa. Sebelah kiri kelas ialah kumpulan media jenis interpersonal dan sebelah kanan ialah media jenis komunikasi massa.
6. Guru memilih dua kumpulan pada sebelah kiri dan dua kumpulan yang berada di sebelah kanan secara rawak. Kumpulan yang dirawak harus menghuraikan alasan kenapa dianggap kad kata yang didapati tergolong ke dalam media massa jenis interpersonal atau komunikasi massa? Apakah kekuatan dan kelemahan media massa yang didapati tersebut? Kemudian guru menghuraikan lagi secara mendalam.



7. Guru mengaitkan isi tentang media massa yang terdiri daripada dua bentuk dan dua jenis. Setiap bentuk dan jenis mempunyai kekuatan dan kelemahan masing-masing. Media massa pada setiap jenis mempunyai kesulitan tersendiri yang akan membawa kepada ketidaktepatan penginterpretasian dan penyelewengan matlamatnya.

Tahap Aktiviti (75 minit)

1. Pelajar diarahkan untuk menentukan kumpulan masing-masing yang setiap kumpulan terdiri daripada 4-5 orang. Setelah penetapan kumpulan selesai, diarahkan wakil pada setiap kumpulan keluar ke hadapan untuk mengambil situasi yang telah ditetapkan guru mengikut Akitiviti 4.2. Setiap situasi akan mempunyai dua kumpulan yang sama. Senarai situasi adalah seperti berikut:
 - 1.1 Kempen pengurangan penggunaan plastik di dalam kawasan sekolah;
 - 1.2 Ketidaksetujuan terhadap polisi pentadbir sekolah terhadap pelajar;
 - 1.3 Mengemukakan pandangan setelah membaca berita tentang penghinaan jantina golongan yang ketiga (pondan);
 - 1.4 Komen bekas kekasih sendiri yang mempunyai kelakuan curang sehingga berpisah;
 - 1.5 Komen pelaksanaan tugas kerajaan.
2. Guru menghuraikan langkah-langkah aktiviti seperti berikut:
 - 2.1 Setelah setiap kumpulan memperoleh situasi di atas, diarahkan untuk berfikir dan menciptakan media yang berkaitan dengan situasi tersebut seperti gambar, suara, tulisan, persembahan dan sebagainya (tidak perlu menentukan bentuk media dan penggunaannya).
 - 2.2 Pelajar membentangkan media yang dicipta masing-masing. Pembentangan harus merangkumi penyebaran media yang sesuai dengan penciptaannya, seperti melalui *sign board, online, persembahan* dan sebagainya).
 - 2.3 Setelah penciptaan media selesai, guru memilih kumpulan yang mempunyai tajuk situasi yang sama untuk membentang. Kumpulan mana yang dapat menarik minat pendengar dan sesuai dengan situasi akan mendapat markah yang istimewa.
 - 2.4 Guru mengagihkan alat untuk menciptakan media seperti kertas *flip chart* dan pen berwarna-warni. Masa yang diberikan untuk penciptaan media ialah 20 minit.
3. Guru mengarahkan kumpulan yang dapat situasi yang sama membentang secara bergilir. Pembentangan harus merangkumi penyebaran yang sesuai dengan media yang



dicipta oleh kumpulan masing-masing. Masa yang diberikan ialah 2 minit untuk satu kumpulan. Kemudian pendengar atau kawan-kawan memberi pandangan tentang kumpulan yang paling bersesuaian dengan media, situasi dan matlamat. Lakukan perkara ini hingga selesai 5 situasi.

4. Guru dan pelajar berbincang tentang penciptaan media yang merangkumi beberapa perkara seperti apakah matlamatnya, sesuai dengan situasi atau tidak serta apakah faktor yang harus difikirkan sebelum menciptakan sesuatu media?
5. Guru membahagikan kumpulan kepada tiga kategori, iaitu sebelah kiri ialah kategori media yang sesuai, di tengah-tengah kelas ialah kategori media yang tidak pasti manakala sebelah kanan ialah kategori media yang tidak sesuai.
6. Guru menayangkan media yang mendapat johan di dalam kelas. Kemudian guru bertanya kepada pelajar adakah media ini bersesuaian untuk disebarluaskan. Jawapannya pelajar harus bergerak mengikut kategori yang telah ditetapkan iaitu kategori sesuai harus pergi ke sebelah kiri kelas, tidak pasti di tengah kelas dan tidak sesuai pergi ke sebelah kanan kelas.
7. Guru memilih pelajar secara rawak 2-3 orang pada setiap kategori untuk memberikan alasan kesesuaian, tidak pasti dan tiak sesuai media tersebut.

Tahap Kesimpulan Aktiviti (10 minit)

1. Guru dan pelajar berbincang tentang perkara yang harus difikirkan sebelum menciptakan media.
2. Guru dan pelajar berbincang tentang kepentingan perwujudan media yang pelbagai dan kesan-kesan yang akan berlaku setelah penciptaan media melanggar hak orang lain.

ABM DAN SUMBER PEMBELAJARAN

1. Aktiviti 4.1: Kad kata yang berkaitan dengan media dan aplikasi yang berkaitan dengan komunikasi berjumlah 20 keping.
2. Aktiviti 4.2: Keadaan untuk pelajar mencipta media
3. Alat sambungan dengan Internet untuk pelajar mencari maklumat tentang penciptaan media.
4. Kertas *flip chart* dan pen berwarna-warni untuk pelajar sebanyak 10 kumpulan.

**PENGUKURAN DAN PENILAIAN**

OBJEKTIF	METODOLOGI	ABM	TAHAP PENILAIAN
1. Pelajar menganalisis kepentingan media yang memberi kesan dalam penciptaan khazanah ilmu dan perubahan di dalam masyarakat.	- pemerhatian	- buku catatan pemerhatian	Baik: menganalisis kepentingan media yang memberi kesan dalam penciptaan khazanah ilmu dan perubahan dalam masyarakat. Sederhana: dapat menganalisis kepentingan media setakat teori, tidak dapat mengaitkan hubungan dengan perubahan Lemah: tidak dapat menganalisis kepentingan media.
2. Pelajar menganalisis kesesuaian media yang diciptakan apabila hendak disebarluaskan.	- set ujian	- set ujian	Baik: menganalisis kesesuaian media yang diciptakan apabila hendak disebarluaskan serta dapat menghuraikan faktor yang menyumbangkan kesesuaian media. Sederhana: dapat menghuraikan faktor yang menyumbangkan kesesuaian media, tetapi tidak dapat menganalisis kesesuaian media yang diciptakan apabila hendak disebarluaskan.



			Dibaiki: tidak dapat menganalisis kesesuaian media yang diciptakan apabila hendak disebarluaskan serta tidak dapat menghuraikan faktor yang dapat menyumbangkan kesesuaian media itu.
--	--	--	--

PENGESYORAN

1. Sekiranya jumlah pelajar kurang daripada 40 orang, guru dapat mengurangkan kad kata. Jumlah pelajar pada setiap kumpulan adalah fleksibel, yang harus difikirkan ialah jumlah kumpulan harus berada dalam nombor genap untuk kemudahan dalam perbandingan media.
2. Guru harus memberikan kebebasan kepada pelajar tentang penyesuaian media atau tidak. Untuk pemahaman yang lebih mendalam setiap kumpulan dapat menciptakan soalan untuk bertanyakan kawan serta membuat kesimpulan media yang diciptakan masing-masing.

DEFINISI OPERASIONAL

1. Media bermaksud perantaraan yang pemberi maklumat ingin menyebarkan maklumat kepada penerima maklumat dalam bentuk cerita, berita, ilmu pengetahuan, situasi, pemikiran, keadaan dan sebagainya.
2. Hak bermaksud kuasa yang diterima oleh undang-undang dalam melakukan sesuatu tindakan dengan jujur dan bebas tanpa melanggar hak orang lain.
3. Kebebasan bermaksud kemampuan untuk dilakukan sesuatu ikut kehendak sendiri tanpa sekatan daripadapihak lain seperti kebebasan dalam pertuturan, kebebasan dalam memeluk agama, hak dalam pengucapan atau melalui kelakuan yang tidak melampaui batasan hak orang lain.



PENGETAHUAN UNTUK GURU

Kebebasan media massa – pada 3 Mei 1991 UNESCO telah membuat pengesyonan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bahawa pada 3 Mei setiap tahun merupakan hari “Kebebasan Media Massa sedunia” (*World Press Freedom Day*). Tujuan hari ini disambut adalah untuk mengutamakan hasrat dan prinsip asas kebebasan media massa sedunia. Kebebasan yang dimaksudkan termasuk kebebasan dalam berfikir dan bertindak, memberi peluang untuk media massa melaporkan sesuatu dengan hakikat secara bebas dan selamat. Walaupun perayaan hari kebebasan media massa ini baru bermula pada tahun 1991, namun kebebasan dalam persempahan telah dibincangkan semenjak 70 tahun sebelum ini. Bukti ini dapat dilihat melalui Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengakui “Pengisytiharan hak asasi manusia sejagat” (The Universal Declaration of Human Rights) pada 10 Disember 1948, yang menobatkan tentang kebebasan dalam pelaksanaan dan kebebasan media massa pada nombor 19 yang berbunyi, “Semua manusia berhak untuk mengemukakan pandangan dan bertindak secara bebas. Kebebasan ini harus mengemukakan pandangan tanpa berpihak kepada mana-mana serta untuk mencari keuntungan, menerima serta menyebarkan berita, dan mengemukakan pandangan melalui mana-mana cara tanpa batasan”.

Perkembangan teknologi yang pesat mengakibatkan siapa sahaja dapat menguasai media massa dengan mudah. Kumpulan ini dapat mempertahankan serta menyumbangkan hak asasi manusia tanpa menggunakan cara pilih kasih, benci serta ganas, khususnya penyebaran berita yang tidak adil di dalam masyarakat. Media massa dapat melakukan dengan berdasarkan kepada “kebebasan dalam tindakan” yang mana telah diakui dari seluruh dunia.



Aktiviti 4.1

Kad kata yang berkaitan dengan media atau aplikasi yang berkaitan dengan komunikasi sebanyak 20 perkataan

Line	Messenger	Twitter	WhatsApp
Google	Instagram	Facebook	YouTube
Televisyen	Radio	Akhbar	Majalah
Buku	<i>Sign board</i>	Telefon rumah	E-mel
Surat	CD/DVD	Gambar	Pager



Aktiviti 4.1

Kad kata yang berkaitan dengan media atau aplikasi yang berkaitan dengan komunikasi sebanyak 20 perkataan

1. Kempen pengurangan penggunaan plastik di dalam kawasan sekolah.

2. Ketidaksetujuan terhadap polisi pentadbir sekolah terhadap pelajar.

3. Kemukakan pandangan setelah membaca berita tentang penghinaan jantina yang ketiga (pondan).

4. Komen bekas kekasih sendiri yang mempunyai kelakuan curang sehingga berpisah.

5. Komen pelaksanaan tugas kerajaan.



UNIT PEMBELAJARAN 3	HAK ASASI MANUSIA YANG BERKAITAN DENGAN POLITIK
--------------------------------	--

Aktiviti 5 Penyertaan dalam Politik Masa: 1.6 jam

KONSEP PENTING

Perisyntiharan Hak Asasi Manusia Sejagat dalam Bangsa-Bangsa Bersatu mendapati setiap orang berhak untuk memilih cara hidup mereka sendiri, sama ada dalam politik, ekonomi, sosial, budaya dan pengurusan persekitaran semula jadi. Kebebasan dalam bertindak dan mengemukakan pandangan, hak dalam menyertai dengan kerajaan untuk melaksanakan aktiviti yang dapat memanfaatkan umum, kebebasan dalam menunjukkan perasaan secara aman, kebebasan dalam perhimpunan dan kebebasan dalam pilihan raya.

PENGISYNTIHARAN HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT

19. (1) Setiap orang mempunyai kebebasan untuk menyertai dalam perjumpaan dan menubuhkan persatuan secara aman.

(2) Seseorang tidak dapat dipaksa untuk berada pada mana-mana persatuan.

20. (1) Setiap orang berhak untuk bersama kerajaan di negara mereka. Sama ada secara terus atau melalui wakil rakyat yang melalui pilihan raya dengan bebas.

(2) Setiap orang berhak untuk mendapat perkhidmatan perubatan dalam negara mereka dengan adil.

(3) kemahanan rakyat merupakan asas utama dalam pemerintahan kerajaan. Kemahanan ini dapat ditunjukkan melalui pilihan raya yang telah ditetapkan masa yang benar. Pemilihan ini adalah bebas dapat dilakukan oleh semua rakyat dengan saksama sama ada secara pilihan umum atau pilihan secara rahsia atau mana-mana cara yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

STANDARD PEMBELAJARAN

S 2.2 M.4-6/3: Mengamalkan atau memberikan sokongan untuk orang lain mengamalkannya baik di dalam negara atau masyarakat dunia.

S 2.1 M.4-6/4: Mengesyorkan jalan penyelesaian dan menyertai dalam peperiksaan penggunaan kuasa kerajaan.



OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Pelajar dapat menghurai penyertaan yang tepat tanpa melanggar batasan orang lain.
2. Pelajar dapat mengesyorkan jalan yang dapat menyertai dengan betul dan sah.

PROSES PELAKSANAAN AKTIVITI

Tahap Permulaan (10 minit)

1. Guru menayangkan klip video Thai Cuai, Thai memasuki hantu, Thai Cita Rasa tinggi, Thai Mulut Ikan kepada pelajar.
2. Guru membawakan pelajar dalam perbualan, apakah yang pelajar lihat dalam klip video ini?

Jawapan: Orang yang buang sampah merata-rata akan mengotorkan kawasan dan tidak menghormati orang lain. Orang yang memandu kereta secara tidak cermat akan mengakibatkan orang lain mendapat kesusahan dan melanggar hak orang lain. Orang yang suka membeli barang berjenama tidak mengambil peduli tentang ekonomi akan keluar dari negara. Orang yang berkuasa dalam menerima rasuah tidak akan menilai kerohanian dan melanggar hak orang lain.

3. Guru bertanyakan pelajar bagaimakah cara untuk mengelakkan daripada kejadian yang berlaku dalam klip video tersebut? Guru membawa pelajar menyertai beberapa aktiviti.

Jawapan: menerangkan jalan yang lurus kepada siapa sahaja yang dikenali, menyertai aktiviti atau kempen menyelesaikan masalah dan mengelakkan diri untuk melakukan perkara tersebut.

Tahap Aktiviti (40 minit)

1. Pelajar diarahkan untuk membahagikan 5 kumpulan. Guru menjalankan permainan seperti berikut:
 - 1.1 Pelajar dibahagikan kepada 5 kumpulan, duduk mengikut kumpulan dalam bulatan dan menghadap muka masing-masing dalam kumpulan di tengah-tengah bilik darjah.
 - 1.2 Setiap pusingan *game* bermula, akan dipilih seorang wakil dan diarahkan wakil tersebut berada di hadapan kumpulan.
 - 1.3 Dalam permainan setiap pusingan, wakil kumpulan mengundi kad angka yang mempunyai sebanyak 10 keping (1-10 merupakan jumlah markah). Wakil akan



menampalkan kad angka tersebut pada dahi tanpa mengetahui nombor angka tersebut dan duduk di hadapan kumpulan masing-masing.

1.4 Setiap pusingan wakil yang memegang kad boleh menukar kad atau tidak mahu menukar dengan wakil pemegang kad daripada kumpulan lain sebanyak sekali seorang.

1.5 Permainan didapati 4 pusingan, berikut:

Pusingan 1: Wakil pada setiap kumpulan tidak dibenarkan untuk bercakap dengan ahli dalam kumpulan sendiri, tetapi dapat menukar kad dengan wakil kumpulan lain dengan melaporkannya kepada guru.

Pusingan 2: Wakil pada setiap kumpulan dibenarkan bercakap dengan ahli dalam kumpulan masing-masing, tetapi ahli dalam kumpulan tidak dibenarkan untuk bercakap dengan wakil kumpulan dan dapat menukar kad dengan memberitahu guru.

Pusingan 3: Ahli dalam kumpulan dapat bercakap dengan wakil tetapi dilarang untuk memberitahu markah yang ada pada kad. Manakala wakil dilarang untuk bercakap dengan ahli dalam kumpulan. Wakil dapat menukar kad apabila diberitahu kepada guru.

Pusingan 4: wakil kumpulan dan ahli dalam kumpulan dapat bercakap antara satu sama lain, tetapi dilarang untuk memberitahu jumlah angka yang berada pada kad. Kad dapat ditukar dengan cara memberitahu guru.

1.6 Setiap pusingan akan dicatat nombor yang ada pada kad masing-masing. Markah akan dapat mengikut angka yang wujud di dalam kad pada setiap pusingan. Markah pada empat pusingan dicampurkan. Kumpulan yang mendapat markah tertinggi menjadi johan.

2. Setelah selesai *game*, pelajar diarahkan untuk duduk di tempat yang asal dan bertanyakan kepada mereka apakah perasaan pelajar pada setiap pusingan? Soalan ditanyakan secara umum kepada wakil dan ahli dalam kumpulan.

Jawapan: Pusingan 1, ahli dalam kumpulan tidak selesa kerana tidak dapat bercakap dengan wakil kumpulan dan wakil tidak tahu untuk bertukar kad atau tidak. Pertukaran kad atau tidak dilakukan dengan cara teka ikut kehendak diri wakil.

Pusingan 2, ahli dalam kumpulan tidak selesa kerana tidak dapat menerangkan sesuatu kepada wakil. Manakala wakil yang dapat bercakap, hanya bercakap dengan wakil pada setiap kumpulan, sedangkan ahli dalam kumpulan tidak dapat berbuat apa-pun pun.



Pusingan 3, wakil akan berasa tidak selesa kerana tidak dapat bercakap apa-apa pun, tetapi masih mempunyai kepercayaan terhadap ahli dalam kumpulan tentang pertukaran kad dengan kumpulan lain.

Pusingan 4, wakil dan ahli dalam kumpulan dapat bercakap. Perasaan yakin dalam permainan game tiba.

3. Guru menyimpulkan permainan game dengan mengaitkan penyertaan dan percakapan dalam pentadbiran antara pemimpin dan rakyat adalah penting untuk menjayakan sesuatu tugas atau menyelesaikan sesuatu masalah.

Maklumat: Penyertaan bermaksud pemberian peluang kepada penduduk atau rakyat untuk menyertai setiap proses pembangunan atau penyelesaian masalah. Langkah-langkah ini dapat dilakukan melalui pemberian peluang untuk rakyat menyertai dalam pemikiran, penetapan polisi, penyertaan dalam proses merancang, membuat keputusan dan melaksanakan ikut perancangan. Selain itu, diberi peluang lagi untuk rakyat memeriksa penggunaan kuasa kerajaan pada setiap lapisan, menyertai segala proses penilaian dan tanggungjawab yang memberi kesan kepada rakyat, masyarakat atau mana-mana badan. Permainan game tersebut membuktikan bahawa, untuk mendapat kejayaan pada sesuatu pekerjaan, wakil yang berperanan sebagai ketua tidak dapat bertindak seorang diri dan dalam keadaan yang sama juga tidak dapat ikut suara rakyat secara buta tuli tanpa melakukan penilaian. Antara pemimpin dan rakyat harus mendengar dan bertimbang. Penyertaan daripada rakyat merupakan aset penting untuk dapat hidup bersama dengan bahagia dan dapat menyelesaikan permasalahan yang berlaku di dalam masyarakat.

4. Guru mengagihkan kertas *flip chart* dan pen kepada setiap kumpulan. Setiap kumpulan menulis cara menyertai dalam pentadbiran atau cara hidup dalam masyarakat secara demokrasi yang mengelakkan daripada masalah atau dapat hidup secara aman.

Jawapan:

1. menghormati hak dalam mengemukakan pandangan masing-masing;
2. tidak menggunakan hak diri sehingga menyusahkan orang lain;
3. menggunakan hak diri dengan menilai terhadap orang lain;
4. menyertai dalam merefleks masalah dan mengemukakan jalan penyelesaian bersama;
5. menyertai dalam pentadbiran demi masyarakat yang aman.



5. Guru mengarahkan setiap kumpulan membentangkan perkara yang telah dibincangkan bersama-sama dalam kumpulan. Masa yang diberikan 2-3 minit untuk satu kumpulan. Tulis kesimpulan atau isi penting di atas kertas.

Tahap Kesimpulan Aktiviti (10 minit)

Guru menyimpulkan jalan pelaksanaan mengikut hak untuk menyertai sesuatu aktiviti yang tepat melalui kesimpulan atau kata-kata kunci dan pandangan daripada pembentangan setiap kumpulan. Kemudian huraikan sekali lagi kepada pelajar.

ABM DAN SUMBER PEMBELAJARAN

1. Video klip “Jangan biarkan mereka mengatakan Thai”, melalui pencarian secara dalam talian (*online*),
2. Aktiviti 5.1 Kad angka 1-10;
3. Pengisyiharan hak asasi manusia sejagat versi bahasa Thai;
Pengarang: Pejabat Ahli Jawatan Kuasa Hak Asasi Manusia
Tajuk: Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat
Sumber: [Http://library.nhrc.or.th/ulib/document/fulltext/F03988.pdf](http://library.nhrc.or.th/ulib/document/fulltext/F03988.pdf)
4. Kertas *flip chart* dan pen.

PENGUKURAN DAN PENILAIAN

OBJEKTIF	METODOLOGI	ABM	TAHAP PENILAIAN
1. Pelajar menghuraikan bentuk penyertaan dalam beberapa aktiviti dengan tepat tanpa melanggar hak orang lain.	Pengumpulan pemikiran melalui pelaksanaan aktiviti dalam kumpulan.	Aktiviti berkumpulan	Baik: Dapat menghuraikan bentuk penyertaan dalam beberapa aktiviti dan menghuraikan perkara yang tidak melanggar hak orang lain dengan jelas serta dapat dilaksanakan terus. Sederhana: Dapat menghuraikan bentuk penyertaan dalam beberapa



			<p>aktiviti dan menghuraikan perkara yang tidak melanggar hak orang lain dengan jelas, tetapi tidak dapat dilaksanakan terus.</p> <p>Lemah: Tidak dapat menghurai bentuk penyertaan dalam beberapa aktiviti dan tidak mampu menghurai perkara yang tidak melanggar hak orang lain.</p>
2. Pelajar menyediakan cara yang dapat menyertai beberapa aktiviti yang tepat.	Pengumpulan pemikiran melalui pelaksanaan aktiviti dalam kumpulan.	Aktiviti berkumpulan	<p>Baik: Dapat mengemukakan cara menyertai beberapa aktiviti dengan jelas dan dapat diguna pakai terus.</p> <p>Sederhana: Dapat mengemukakan cara menyertai beberapa aktiviti dengan jelas tetapi mungkin tidak dapat diguna pakai terus.</p> <p>Dibaiki: Tidak dapat mengemukakan cara untuk menyertai beberapa aktiviti.</p>

PENGESYORAN

1. Permainan di dalam kelas mungkin mewujudkan suasana yang bising. Oleh itu guru harus mengawal kelas agar berada dalam situasi yang aman. Guru dapat memainkan game dengan cara menguruskan meja dalam bentuk bulatan atau pelajar duduk di atas lantai di dalam kelas.



2. Guru harus menghuraikan prinsip penggunaan hak diri sendiri yang tidak melampaui batasan serta kerjasama yang dapat menjayakan sesuatu perkara yang harus beriringan antara satu sama lain.
3. Andainya didapati pengajar sendiri atau siapa sahaja yang mempunyai pengalaman dalam menyertai sesuatu aktiviti, mereka harus menceritakannya kepada pelajar di dalam kelas.

DEFINISI OPERASIONAL

Penyertaan (*participation*) dalam sesuatu aktiviti bermaksud seseorang melakukan atau melaksanakan dalam sesuatu perkara atau benda yang mereka minati dan tertarik, sama ada dalam keadaan bersungguh-sungguh atau sebaliknya. Seseorang tidak semestinya mempunyai hubungan secara langsung atau tidak. Mereka mempunyai hubungan melalui pemikiran, sikap, minat, perasaan bimbang dan sebagainya.

PENGETAHUAN UNTUK GURU

Dalam mesyuarat Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1975 tentang penyertaan dalam kalangan rakyat, pihak pakar memberi cadangan bahawa penyertaan rakyat tidak dapat menetapkan konsep dengan lengkap, kerana konsep penyertaan pada setiap negara atau masyarakat adalah berbeza mengikut konteks masing-masing. Oleh itu penentuan konsep penyertaan untuk rakyat dapat diberikan kepada bidang-bidang tertentu sahaja seperti ekonomi, masyarakat, dan politik. Walau bagaimanapun pihak pakar telah menjelaskan konsep tentang penyertaan seperti berikut:

Perkara 1: Penyertaan rakyat termasuk pembinaan peluang yang memudahkan semua anggota di dalam komuniti atau masyarakat menyertai aktiviti ke arah dapat memberi kuasa kepada proses yang dilakukan dan membangun serta memudahkan rakyat mendapat faedah daripada pembangunan tersebut.

Perkara 2: penyertaan dapat merefleks kepada sukarelawan dan demokrasi. Memberi kemudahan untuk pembangunan, pembahagian natijah yang didapati daripada pembangunan tersebut dengan saksama dan adil dan dalam membuat keputusan untuk menentukan *target*, polisi, dan perancangan dalam melaksanakan projek pembangunan ekonomi dan masyarakat.



Perkara 3: aktiviti penyertaan merupakan perantaraan antara rakyat dengan sumber untuk membangun dengan faedah yang akan dapat setelah melabur. Dapat dikatakan penyertaan rakyat untuk membuat keputusan sama ada pada tahap masyarakat, benua dan tahap negara sekalipun akan mempunyai hubungan antara perkara yang rakyat melabur dengan manfaat yang akan didapati.

Perkara 4: penyertaan yang dilakukan oleh rakyat adalah berbeza mengikut keadaan ekonomi, polisi, dan struktur pentadbiran negara. Keadaan ekonomi dan masyarakat rakyat, penyertaan rakyat bukan sekadar merupakan teknik atau cara, tetapi merupakan faktor penting dalam menjamin agar berlaku proses pembangunan yang memudahkan rakyat mendapat faedah daripadanya.

Selain itu, pembangunan proses penyertaan rakyat harus memberikan peluang kepada mereka dapat menyertai dalam membuat keputusan mengikut kehendak mereka serta membuat keputusan dalam menggunakan segala sumber yang disediakan kerajaan. Thawithong Hongwiwat (1984:02) mempunyai pandangan yang sama tentang penyertaan, iaitu hak rakyat dalam membuat keputusan terhadap polisi yang berkaitan dengan peruntukan (*allocation*) dan penggunaan (*utilization*) sumber untuk pengeluaran. Pembangunan penyertaan ini merupakan perkara penting yang harus disertai rakyat dalam merancang demi untuk hidup yang lebih baik serta memberi respons terhadap beberapa perkara yang dihadapi oleh mereka.

Melalui pembangunan ini rakyat jelata yang bertaraf miskin akan mendapat faedah, sama ada untuk pengeluaran dan perkhidmatan serta segala kemudahan awam. Penyertaan merupakan amalan menyertai rakyat dalam membuat keputusan pada tahap tertentu, pengurusan dalam politik untuk menetapkan kemahuan rakyat. Penyertaan rakyat akan menghasilkan proses dan struktur yang dapat dilakukan oleh rakyat. Kehendak rakyat, penentuan keutamaan, penyertaan dalam pembangunan dan pemanfaatan daripada pembangunan itu akan diberi kuasa dalam membuat keputusan kepada rakyat, khususnya rakyat lapisan bawah yang mempunyai taraf ekonomi rendah. Pembangunan penyertaan rakyat merupakan proses sukarelawan yang rakyat sudi menentukan segala perubahan positif demi mereka sendiri bukan daripada penentuan prinsip daripada orang luar.

Daripada konsep penyertaan di atas, dapat dilihat bahawa penyertaan rakyat selaku ahli dalam masyarakat, sama ada daripada segi pembangunan masyarakat, ekonomi atau budaya merupakan pembangunan yang tinggi yang berkaitan dengan pengetahuan yang dapat ditentukan oleh rakyat sendiri. Mereka dapat mengurus, mengawal penggunaan serta



pengeluaran sumber yang ada untuk memanfaatkan dalam melaksanakan kehidupan tentang masyarakat dan ekonomi mengikut keperluan yang sesuai. Semua ini merupakan pembangunan pengetahuan rakyat ke arah yang lebih baik.

TAHAP PENYERTAAN

Narinchai Pongnapha (2013:17) mengatakan penyertaan mengikut prinsip umum terdiri daripada 5 tahap berikut:

1. penyertaan dalam memberi maklumat diri/keluarga/masyarakat;
2. penyertaan dalam menerima maklumat;
3. penyertaan dalam membuat keputusan, khususnya dalam projek yang berkaitan dengan diri, dapat dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu:
 - 3.1 mereka mempunyai kuasa sedikit dalam membuat keputusan daripada penaja;
 - 3.2 mereka mempunyai kuasa yang sama dalam membuat keputusan dengan penaja;
 - 3.3 mereka mempunyai kuasa lebih daripada penaja dalam membuat keputusan.
4. Penyertaan dalam bertindak bermaksud menyertai pada segala pelaksanaan.
5. Penyertaan dalam menyokong bermaksud tidak mempunyai peluang untuk melakukan tetapi menyertai pada bahagian lain.

Selain itu dibahagikan tahap penyertaan kepada tahap penyertaan dalam pembangunan masyarakat dan tahap penyertaan dalam menyelesaikan masalah yang terdapat dalam masyarakat dapat dikategorikan seperti berikut:

1. sama-sama mencari masalah dalam masyarakat dan menganalisis masalah asas;
2. sama-sama mencari kepentingan dalam hidup mereka seperti:
 - 2.1 sama-sama mengklasifikasikan masalah, untuk menentukan penyelesaian masalah utama dan masalah seterusnya;
 - 2.2 merancang penyelesaian mengikut masalah yang dihadapi;
 - 2.3 membincangkan jalan penyelesaian yang sesuai dengan masalah yang dihadapi;
 - 2.4 sama-sama membangunkan teknologi untuk penggunaan dalam masyarakat;
 - 2.5 menyertai dalam proses menyelesaikan masalah;
 - 2.6 sama-sama mengikuti dan menilai pelaksanaan;
 - 2.7 sama menerima dan memikul risiko dalam pelaksanaan.



Aktiviti 5.1

Kad Angka untuk Game “Angka menunjukkan nasib”

1	2
3	4
5	6
7	8
9	10



UNIT PEMBELAJARAN 4	HAK ASASI MANUSIA YANG BERKAITAN DENGAN EKONOMI
--------------------------------	--

Aktiviti 6 Buruh dan Upah yang Adil

Masa: 1-2 jam

KONSEP PENTING

Setiap manusia berhak untuk bekerja dengan saksama, mendapat gaji dengan adil dan saksama mengikut hasil yang sesuai. Tenaga buruh mesti mendapat perlindungan dengan undang-undang, tanpa berbelah bahagi mengikut bangsa, jantina, mahupun agama. Hormat-menghormati antara majikan dengan buruh merupakan aset penting dalam hidup bersama dengan aman.

PENGISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT

- 23 (1) Setiap orang mempunyai hak untuk bekerja, memilih kerja dengan bebas mengikut kondisi yang adil serta berfaedah dalam pekerjaan dan pengelakan daripada pengangguran.
- (2) Setiap orang berhak untuk mendapatkan gaji dengan saksama pada kerja yang sama, tanpa pilih kasih.
- (3) Setiap orang yang bekerja berhak untuk mendapatkan gaji dengan adil untuk menyara hidup diri, keluarga serta sesuai dengan kehormatan diri sebagai manusia. Selain itu harus mendapat perlindungan lain-lain lagi untuk keperluan hidup.
- 24 Setiap orang berhak untuk rehat, mempunyai masa yang lapang serta mengehadkan masa yang sesuai dan berpada dalam pekerjaan dan berhak untuk bercuti mengikut keperluan dengan mendapatkan gaji.

STANDARD PEMBELAJARAN

S 2.1 M.4-6/4: Menilai situasi hak asasi manusia di Thailand dan mengemukakan pandangan dalam pembangunan.

S 3.1 M.4-6/1: Membentangkan penentuan harga dan gaji dalam sistem ekonomi.

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Analisis ketidakadilan yang berkaitan dengan buruh dan gaji dengan tepat.
2. Mengemukakan pemberian gaji yang adil dengan tepat.



PROSES PELAKSANAAN AKTIVITI

Tahap Permulaan (5 minit)

Guru melontarkan soalan kepada pelajar untuk berfikir, seperti berikut:

1. Pelajar manakah yang pernah bekerja separuh masa semasa sekolah cuti atau setelah habis kelas?
2. Adakah pelajar pernah mendapat gaji yang tidak adil? Kalau pernah, bagaimanakah perasaan pelajar?
4. Apakah sebab yang kita mendapat gaji tidak adil?
5. Bagaimanakah akan berlaku andainya kita mempunyai keluarga yang mesti ditanggung apabila kita mendapat gaji yang tidak adil?

Tahap Aktiviti (40 minit)

1. Pelajar menyertai keadaan yang disimulasikan oleh guru. Pelajar 40 orang dibahagikan kepada beberapa kelompok seperti berikut:

Pemilik syarikat	8 orang	Tenaga buruh Thai yang berkemahiran tinggi	4 orang	Tenaga buruh Thai yang berkemahiran	6 orang
Tenaga buruh kanak-kanak	6 orang	Tenaga buruh asing	8 orang	Tenaga buruh Thai yang tidak berkemahiran	8 orang

2. Pelajar yang berperanan sebagai pemilik syarikat akan mengundi loteri barang syarikat mereka (pakaian, makanan, tempat tinggal dan ubat), akan mendapat bajet untuk membina syarikat sebanyak 300 unit serta dengan akan catatan modal, gaji dan produk yang didapati pada setiap hari.
3. Pelajar yang memegang watak sebagai tenaga buruh akan mendapat akaun untuk mencatat pendapatan harian serta produk yang dihasilkan ikut hari apabila mereka bekerja mengikut tahap yang telah ditetapkan:
4. **Pusingan 1:** Pelajar berlakon sebagai pemilik syarikat yang mesti menggaji tenaga buruh untuk bekerja supaya mendapat hasil dan menjimatkan kos sebanyak mungkin mengikut masa dan pusingan yang telah ditetapkan untuk satu hari.



Tenaga buruh	Pendapatan minimum	Produk perharian
Tenaga buruh Thai berkemahiran tinggi	15	10
Tenaga buruh Thai berkemahiran	10	8
Tenaga buruh Thai tidak berkemahiran	6	6
Tenaga buruh asing	4	8
Tenaga kanak-kanak	2	4

5. Pelajar yang berlakon sebagai tenaga buruh harus berunding dengan pemilik syarikat untuk mendapatkan kerja dengan syarikat dan mendapatkan upahan dengan harga yang berpatut mengikut masa yang telah ditetapkan.
6. Apabila tamat masa pada pusingan 1 (3-5 minit), pelajar yang berperanan sebagai pemilik syarikat semua berhak untuk membaling dadu. Skor yang didapati setelah membaling dadu adalah situasi yang berlaku di dalam syarikat mereka, seperti berikut:

Skor	Situasi
1	Tenaga buruh Thai yang berkemahiran dan berkemahiran tinggi memohon untuk menaiki harga gaji kepada 15 dan 20 mengikut urutan.
2	Pegawai menahan tenaga buruh asing dan mendenda pemilik syarikat 10 unit untuk seorang.
3	Pemilik syarikat memberi gaji kepada tenaga buruh kanak-kanak ikut kehendak mereka, kerana gaji untuk tenaga buruh kanak-kanak tidak dapat dituntut.
4	Produk daripada tenaga buruh yang tidak berkemahiran, buruh asing, buruh kanak-kanak tiada kualiti hingga dimusnahkan.
5	Tenaga buruh perempuan yang cuti bersalin tidak perlu bekerja, tetapi pemilik syarikat mesti membayar gaji penuh seperti biasa.
6	Pemilik syarikat dapat mengutip 3 unit daripada tenaga buruh untuk dijadikan insurans pekerjaan.



7. Pelajar yang berlakon sebagai pemilik syarikat dan tenaga buruh berunding untuk menyambung kerja seterusnya dan membaling dadu sekali lagi apabila pusingan tamat (didapati 3-5 pusingan).
8. Apabila cukup 3-5 kali, semua tenaga buruh akan mengambil gaji atau pendapatan mereka untuk membeli barang dengan pemilik pada setiap syarikat untuk menyara hidup, harga barang adalah seperti berikut:

Makanan	10	Pakaian	20
Penginapan	40	Ubat	30

9. Pelajar yang berlakon sebagai pemilik syarikat menyimpulkan pendapatan syarikat dan jumlah produk ke dalam akaun catatan.
10. Pelajar yang berlakon sebagai tenaga buruh menyimpulkan pendapatan mereka dan jumlah barang yang dibeli ke dalam akaun catatan.

Tahap Kesimpulan Aktiviti (10 minit)

1. Guru mengemukakan soalan untuk merefleks bagaimanakah kesan pada masa pelaksanaan, penyelesaian masalah dan mengambil inisiatif pada setiap kali? Kenapakah diambil inisiatif seperti sedemikian? Bagaimanakah perasaan pelajar terhadap inisiatif tersebut (orang yang membuat inisiatif dan orang yang mendapat kesan daripada inisiatif tersebut)?
2. Guru membina soalan untuk mengaitkan dengan kehidupan sebenar pelajar dan bertanyakan pelajar tentang pengalaman ketidakadilan daripada segi tenaga buruh atau gaji yang pernah dilalui oleh pelajar? Bagaimanakah penyelesaian yang dilakukan oleh pelajar pada masa itu?
3. Guru menyoal pelajar lagi untuk mengaplikasikan pada masa hadapan andainya pelajar menjadi majikan, pemilik syarikat atau tenaga buruh, bagaimanakah pelajar akan mengurus untuk mengelak daripada ketidakadilan dalam memberikan upah atau gaji?
4. Pengajar membentangkan pengisyiharan hak asasi manusia sangat tentang ekonomi serta menghubungkan jawapan pelajar. Tujuan diadakan perhubungan dengan jawapan pelajar adalah kerana untuk merefleks pandangan pelajar yang berkaitan dengan keadilan dalam masyarakat.

**ABM DAN SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Aktiviti 6.1 Akaun catatan bajet upahan dan produk pemilik syarikat.
2. Aktiviti 6.2 Akaun catatan pendapatan tenaga buruh
3. Kad produk harian syarikat
4. Papan tanda makanan, pakaian, penginapan dan ubatan
5. Buah dadu

PENGUKURAN DAN PENILAIAN

OBJEKTIF	METODOLOGI	ABM	TAHAP PENILAIAN
3. Pelajar menganalisis ketidakadilan yang didapati terhadap tenaga buruh dan upahan dengan tepat	Pembentangan jawapan untuk merefleks pemikiran dan perhubungan	Set penilaian mengemukakan pendapat	Baik: Menghurai keadaan yang membuat keputusan serta kesan yang didapati dan merefleks pengalaman yang tidak adil dengan tepat. Sederhana: Menghurai sebahagian keadaan yang membuat keputusan serta kesan yang didapati dan tidak dapat merefleks pengalaman yang tidak adil. lemah: Tidak dapat menghurai keadaan yang membuat keputusan serta kesan yang didapati dan tidak dapat merefleks pengalaman yang tidak adil.
Pelajar dapat mengemukakan pemberian upahan yang adil dan tepat.	Pembentangan jawapan untuk mengaplikasikan	Set penilaian mengemukakan pendapat	Baik: Mengemukakan upahan yang adil sama ada majikan sendiri atau tenaga buruh dengan tepat. Sederhana: Mengemukakan sebahagian upahan yang adil



			sama ada majikan sendiri atau tenaga buruh dengan tepat. Dibaiki: Mengemukakan upahan yang adil sama ada majikan sendiri atau tenaga buruh dengan tidak tepat.
--	--	--	--

PENGESYORAN

1. Guru dapat mengubah suai jumlah watak pada setiap jenis ikut jumlah pelajar.
2. Guru dapat mengubah suai pusingan upahan tenaga buruh ikut masa yang ada semasa melakukan aktiviti.

DEFINISI OPERASIONAL

1. Tenaga buruh yang berkemahiran tinggi ialah kumpulan yang pernah melalui latihan kemahiran khusus hingga mendapat sijil atau jaminan kepakaran tertentu.
2. Tenaga buruh yang berkemahiran ialah kumpulan yang mempunyai kemahiran tertentu yang sesuai dengan bidang mereka.

**Aktiviti 6.1****Akaun Buku Catatan Bajet Upahan dan Produk Pemilik Syarikat****Pusingan 1**

Pusingan	Upahan minimum	Produk perharian	Jumlah (orang)	Harga upahan	Produk diperoleh
Tenaga buruh Thai berkemahiran tinggi	15	10			
Tenaga buruh Thai berkemahiran	10	8			
Tenaga buruh Thai tidak berkemahiran	6	6			
Tenaga asing	4	8			
Tenaga kanak-kanak	2	4			
Total					

Pusingan 2

Pusingan	Upahan minimum	Produk perharian	Jumlah (orang)	Harga upahan	Produk diperoleh
Tenaga buruh Thai berkemahiran tinggi	15	10			
Tenaga buruh Thai berkemahiran	10	8			
Tenaga buruh Thai tidak berkemahiran	6	6			



Tenaga asing	4	8			
Tenaga kanak-kanak	2	4			
Total					

Pusingan 3

Pusingan	Upahan minimum	Produk perharian	Jumlah (orang)	Harga upahan	Produk diperoleh
Tenaga buruh Thai berkemahiran tinggi	15	10			
Tenaga buruh Thai berkemahiran	10	8			
Tenaga buruh Thai tidak berkemahiran	6	6			
Tenaga asing	4	8			
Tenaga kanak-kanak	2	4			
Total					



Aktiviti 6.2

Akaun Buku Catatan Pendapatan Tenaga Buruh

Penerimaan	
Pusingan 1	
Pusingan 2	
Pusingan 3	
Total	
Perbelanjaan	
Pakaian	
Pakaian	
Penginapan	
Ubatan	
Total	



UNIT PEMBELAJARAN 4	HAK ASASI MANUSIA YANG BERKAITAN DENGAN EKONOMI
--------------------------------	--

Aktiviti 7: Perlindungan Pengguna dan Persaingan yang Adil Masa 90 minit

KONSEP PENTING

Mekanisme harga merupakan persaingan pasaran penting dalam menentukan penyesuaian untuk membeli dan menjual. Usaha untuk menentukan harga barang serta polisi kerajaan yang mendorongkan setiap pihak mendapat keuntungan menyebabkan berlakunya ketidakadilan bagi pengguna. Oleh itu, pemahaman dan perlindungan pengguna yang harus didapati mengikut undang-undang adalah penting.

PENGISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT

17 (1) Seseorang berhak untuk memiliki harta secara peribadi dan berkumpulan.

(2) perampasan harta orang lain sewenang-wenang tidak dapat dilakukan.

STANDARD PEMBELAJARAN

S 2.2 M.4-6/1: Menilai dan mengamalkan mengikut undang-undang yang berkaitan dengan diri, keluarga, masyarakat, negara dan dunia.

S 3.1 M.4-6/1 : Membentangkan penentuan harga dan upahan dalam sistem ekonomi.

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Analisis kesan yang berlaku kepada pengilang dan pengguna apabila persaingan pasaran berlaku secara tidak adil.
2. Mengutamakan hak dan perlindungan pengguna dan harus didapati dalam perundangan dan polisi kerajaan.



PROSES PELAKSANAAN AKTIVITI

Tahap Permulaan (5 Minit)

1. Guru memperlihatkan gambar barang yang harga mahal serta melontarkan soalan kepada pelajar, apakah punca yang menyebabkan barang ini harganya mahal?
2. Guru menanyakan pelajar lagi andainya kita menemui barang harga terlalu mahal, bagaimanakah tindakan pelajar seterusnya?
3. Guru menghubungkan situasi dengan persaingan yang berlaku dalam pasaran dan proses perundungan yang didapati untuk pengguna.

Tahap Aktiviti (80 minit)

1. Guru menanyakan pandangan pelajar, bagaimanakah persaingan dalam pasaran sekarang? Apakah tujuan pengiklanan? Dan apakah tujuan pengguna? Sebelum mengaitkan pandangan pelajar dengan aktiviti permainan game “Aku hendak menjadi jutawan”.
2. Guru menghuraikan proses aktiviti seterusnya seperti berikut:
 - 2.1 Pelajar diarahkan untuk mencari pasangan, kecuali yang lebih dapat duduk seorang. Kemudian mencari wakil 8 kumpulan dijadikan sebagai syarikat atau pengilang, manakala kumpulan selebihnya sekitar 12 kumpulan dijadikan sebagai pengguna atau pembeli.
 - 2.2 Guru mengagihkan kad Aktiviti 7.1 menggantikan duit untuk pelajar yang berlakon sebagai pengguna. Butiran selanjutnya adalah seperti berikut:
 1. pengguna 3 pasangan mempunyai duit 20,000 bath;
 2. pengguna 2 pasangan mempunyai duit 16,000 bath;
 3. pengguna 2 pasangan mempunyai duit 12,000 bath;
 4. pengguna 3 pasangan mempunyai duit 9,000 bath;
 5. pengguna 1 pasangan mempunyai duit 5,000 bath;
 6. pengguna 1 pasangan mempunyai duit 3,000 bath;
 - 2.3 Guru mengagihkan kad kata tentang barang untuk pengguna. Kad tersebut dapat menentukan apakah barang yang dapat dijual oleh pengilang? Berapakah harga yang dapat dijual? Seperti yang didapati dalam Aktiviti 7.2. Penjelasan seterusnya adalah seperti berikut:
 1. Pengilang pasangan 1 dapat menjual beras (6 unit, setiap unit mempunyai skor 5 markah), krim untuk kulit (4 unit, setiap unit mempunyai skor 5 markah), smart



phone edisi terbaru (2 unit, setiap unit mempunyai skor 8 markah), gelang batu marmar (4 unit, setiap unit mempunyai skor 3 markah), rantai leher belian (1 unit, setiap unit mempunyai skor 10 markah), pakaian berjenama (6 unit, setiap unit mempunyai skor 5 markah), alat penapis udara (2 unit, setiap unit mempunyai skor 8 markah).

2. Pengilang pasangan 2 dapat menjual gelang batu marmar (2 unit, setiap unit mempunyai skor 3 markah), rantai leher belian (1 unit, setiap unit mempunyai skor 10 markah), pakaian (8 unit, setiap unit mempunyai skor 3 markah).
3. Pengilang pasangan 3 dapat menjual beras (8 unit, setiap unit mempunyai skor 5 markah), krim untuk kecantikan kulit (8 unit, setiap unit mempunyai skor 5 markah), smart phone edisi terbaru (1 unit, setiap unit mempunyai skor 8 markah), rantai leher belian (1 unit, setiap unit mempunyai skor 10 markah), pakaian (6 unit, setiap unit mempunyai skor 3 markah).
4. Pengilang pasangan 4 dapat menjual beras (6 unit, setiap unit mempunyai skor 5 markah), smart phone edisi terbaru (2 unit, setiap unit mempunyai skor 8 markah), gelang batu marmar (4 unit, setiap unit mempunyai skor 3 markah), rantai leher belian (1 unit, setiap unit mempunyai skor 10 markah), pakaian (6 unit, setiap unit mempunyai skor 3 markah).
5. Pengilang pasangan 5 dapat menjual beras mali wangi (3 unit, setiap unit mempunyai skor 8 markah), gelang batu marmar (2 unit, setiap unit mempunyai skor 3 markah), rantai leher belian (1 unit, setiap unit mempunyai skor 10 markah), pakaian (10 unit, setiap unit mempunyai skor 3 markah).
6. Pengilang pasangan 6 dapat menjual krim untuk kulit (10 unit, setiap unit mempunyai skor 5 markah), perkhidmatan kedoktoran-swasta (2 unit, setiap unit mempunyai skor 8 markah), rantai leher belian (1 unit, setiap unit mempunyai skor 10 markah), pakaian (2 unit), alat penapis udara (4 unit, setiap unit mempunyai skor 8 markah)
7. Pengilang pasangan 7 dapat menjual krim untuk kulit (10 unit, setiap unit mempunyai skor 5 markah), perkhidmatan kedoktoran-swasta (2 unit, setiap unit mempunyai skor 8 markah), rantai leher belian (1 unit, setiap unit mempunyai skor 10 markah), pakaian (2 unit, setiap unit mempunyai skor 3 markah), alat penapis udara (4 unit, setiap unit mempunyai skor 8 markah)
8. Pengilang pasangan 8 dapat menjual krim untuk kulit (7 unit, setiap unit mempunyai skor 5 markah), perkhidmatan kedoktoran-swasta (2 unit, setiap unit



mempunyai skor 5 markah), gelang batu marmar (2 unit, setiap unit mempunyai skor 3 markah), pakaian (2 unit, setiap unit mempunyai skor 3 markah)

- 2.4 Pemenang dalam aktiviti ini terdiri daripada dua pasangan iaitu pasangan pengilang 1 pasang dan pasangan pengguna 1 pasang. Pengilang yang menang merupakan kumpulan yang mempunyai laba daripada penjualan paling banyak. Manakala bagi pengguna yang memenangi ialah pasangan yang mendapat markah paling tinggi.
- 2.5 Apabila guru membahagikan duit dan kad barang, aktiviti bermula dengan guru menerangkan jenis barang sebanyak 8 jenis. Kemudian terangkan skor markah pada setiap barang apabila pengguna membeli. Penjelasan tentang barang pada Aktiviti 7.2 adalah seperti berikut:

1. Beras (beras biasa 5 markah, beras mali wangi 8 markah)
2. Krim untuk kulit (5 markah)
3. Perkhidmatan kedoktoran (kerajaan 5 markah, swasta 8 markah)
4. Smart phone edisi terbaru (8 markah)
5. Gelang batu marmar (3 markah)
6. Rantai leher belian (10 markah)
7. Pakaian (biasa 3 markah, berjenama 5 markah)
8. alat penapis udara (8 markah)

- 2.6 Guru menjelaskan lagi tentang jumlah duit yang dipegang pengguna minimum dan maksimum itu berapa?
- 2.7 Guru menerangkan semua jenis barang yang ada dan pengilang akan menentukan harganya. Kemudian pengguna menukar barang tersebut. Penukaran barang dapat dilakukan 2 kali untuk satu barang. Tujuan diberikan peluang dalam penukaran ini kerana untuk memberi peluang pengilang menetapkan harga serta mencipta promosi baru.
- 2.8 Antara aktiviti penukaran barang dalam kalangan pengilang dan pengguna berlangsung, guru dapat menyelitkan dua aktiviti pada mana-mana masa seperti berikut:

1. Kerajaan akan mengambil cukai untuk pengilang yang menjual gelang batu marmar 1000 bath untuk satu gelang.
2. Kerajaan memberi duit untuk orang yang mempunyai pendapatan kurang daripada 10,000 bath sebanyak 2000 bath untuk seorang.

- 2.9 Guru melaksanakan Aktiviti 2.8 hingga selesai. Setiap kali penukaran barang akan digunakan masa sebanyak 2 minit. Setelah selesai penukaran kali pertama akan



diberi peluang balik untuk penukaran barang kali kedua dengan masa 2 minit sekali lagi.

3. Guru mengarahkan pelajar yang berlakon sebagai pengguna mengira duit yang didapatinya dan pelajar yang berlakon sebagai pengilang juga mengira markah yang didapati oleh kumpulan mereka.
4. Guru menyuruh kumpulan yang mendapat duit dan markah paling banyak tampil ke hadapan untuk membentang tentang cara yang dilakukan sehingga kumpulan mereka mendapat duit dan markah paling banyak.
5. Guru membentangkan kad semua pengilang untuk memperlihatkan perbezaan kemampuan dalam memproses produk pada setiap kumpulan. Kemudian dibincangkan bersama tentang perbezaan tersebut, bagaimanakah akan membawa kesan kepada pengilang dan pengguna? Dalam keadaan yang sama juga guru mengaitkan adakah polisi kerajaan yang telah ditetapkan memberi kesan dalam persaingan dalam pasaran atau tidak?
6. Guru membentang lagi tentang jumlah duit yang didapati pada setiap kumpulan pengguna, untuk memperlihatkan perbezaan kemampuan dalam pembelian. Kemudian dibincangkan bersama tentang kesan yang akan berlaku apabila didapati jarak perbezaan pendapatan dalam kalangan pengguna, serta penentuan harga barang yang ditetapkan pengilang dan harga yang adil.
7. Guru menerangkan lagi tentang undang-undang perlindungan pengguna yang dapat diguna pakai dalam kehidupan harian.

Tahap Kesimpulan Aktiviti (10 minit)

Guru dan pelajar berbincang sama-sama tentang ketidakadilan dalam sistem pasaran yang akan memberi kesan kepada penggunaan pengguna.

ABM DAN SUMBER PEMBELAJARAN

1. Kad pengganti duit untuk pengguna, terdiri daripada:
 - Kad 5,000 bath berjumlah 7 keping;
 - Kad 1,000 bath berjumlah 72 keping;
 - Kad 500 bath berjumlah 60 keping;
 - Kad 200 bath berjumlah 70 keping.
2. Aktiviti 7.1 Kad kata yang menunjukkan barang untuk pengilang, berjumlah 8 keping.



3. Aktiviti 7.2 Kad ganti barang yang mempunyai penentuan barang dan markah.

PENGUKURAN DAN PENILAIAN

OBJEKTIF	METODOLOGI	ABM	TAHAP PENILAIAN
Pelajar menganalisis kesan yang berlaku terhadap pengilang dan pengguna apabila pasaran berlaku persaingan yang tidak adil.	Memerhati daripada pembentangan	Set pemerhatian	Baik: Pelajar dapat menganalisis kesan yang berlaku terhadap pengilang dan pengguna apabila pasaran berlaku persaingan yang tidak adil. Sederhana: Pelajar dapat menganalisis dengan sederhana terhadap kesan yang berlaku terhadap pengilang dan pengguna apabila pasaran berlaku persaingan yang tidak adil. Lemah: Pelajar tidak dapat menganalisis kesan yang berlaku terhadap pengilang dan pengguna apabila pasaran berlaku persaingan yang tidak adil.
Pelajar mengambil berat tentang hak dan perlindungan yang pengguna harus mendapat daripada undang-undang dan polisi kerajaan.	Pemerhatian	Set pemerhatian	Baik: Pelajar mengambil berat tentang hak dan perlindungan yang pengguna harus mendapat daripada undang-undang dan polisi kerajaan. Lemah: Pelajar tidak dapat mengambil berat tentang hak dan perlindungan yang



			pengguna harus mendapat daripada undang-undang dan polisi kerajaan.
--	--	--	---

PENGESYORAN

1. Andainya didapati jumlah pelajar sedikit daripada yang telah ditetapkan dalam aktiviti, guru dapat mengurangkan jumlah pengilang, tetapi tidak kurang daripada 5 orang untuk berlaku persaingan dalam pasaran.
2. Dapat menambah selitan daripada kerajaan yang menyebabkan berlakunya peningkatan dan penurunan harga barang.
3. Andainya guru mempunyai masa, bincangkan perundangan yang berkaitan dengan perlindungan pengguna pada bahagian kesimpulan.

DEFINISI OPERASIONAL

Pasaran bermaksud keadaan pembeli dan penjual berkemahanan untuk menukar barang dan melayan dalam penjualan tersebut.

Mekanisme harga bermaksud tahap harga barang dan layanan penukaran barang yang berpunca daripada kemahanan untuk dibeli oleh pembeli atau pengguna dan dijual oleh pengilang dalam pasaran.

PENGETAHUAN UNTUK GURU

Perlembagaan negara Thai tahun 1997 merupakan perlembagaan pertama yang mementingkan perlindungan pengguna. Perlembagaan tersebut mendapati pada akta 57 yang berbunyi ‘Hak manusia sebagai pengguna harus mendapat perlindungan mengikut undang-undang’, berikut:

Perlembagaan perlindungan pengguna pada tahun 1979, kemudian diubah suai (versi ke-2) pada tahun 1978, dinobatkan pengguna harus mendapat perlindungan 5 perkara, berikut:

1. Hak untuk menerima maklumat serta huraian kualiti yang tepat dan berpadu berkaitan dengan barang atau layanan seperti hak untuk mendapat iklan atau pemaparan label yang tidak berbahaya untuk pengguna. Selain itu, pengguna berhak untuk menerima



maklumat berkaitan dengan barang atau layanan dengan tepat dan berpada untuk tidak terpedaya dalam membeli barang atau menerima layanan yang tidak adil.

2. Hak yang bebas dalam memilih barang atau layanan seperti hak untuk pengguna memilih barang atau layanan dengan rela tanpa paksaan yang tidak adil daripada pihak tertentu.
3. Hak untuk mendapat keselamatan daripada penggunaan barang atau layanan seperti hak mendapatkan barang dan layanan yang selamat, berkualiti dan sesuai untuk dimanfaatkan serta tidak berbahaya dalam hidup atau harta benda, andainya pengguna mengikut arahan yang dijelaskan di dalam label barang atau layanan tersebut.
4. Hak untuk mendapat keadilan dalam penulisan perjanjian seperti hak untuk mendapat perjanjian dengan adil, tanpa mengambil kesempatan daripada pengilang.
5. Hak untuk dipertimbangkan dan mengganti rugi seperti hak mendapat perlindungan dan mengganti rugi apabila didapati pelanggaran hak pengguna pada nombor 1, 2, 3 dan 4 tersebut.



Aktiviti 7.1
Kad Ganti Duit untuk Pengguna

200 Bath

500 Bath

1,000 Bath

5,000 Bath



Aktiviti 7.2

Kad Perkataan Barang untuk Pengilang Berjumlah 8 Keping

Pengilang pasangan 1	Pengilang pasangan 2
<p>dapat menjual</p> <ul style="list-style-type: none">1. beras (6 unit, setiap unit mempunyai skor 5 markah);2. krim untuk kulit (4 unit, setiap unit mempunyai skor 5 markah);3. smart phone edisi terbaru (2 unit, setiap unit mempunyai skor 8 markah);4. gelang batu marmar (4 unit, setiap unit mempunyai skor 3 markah);5. rantai leher belian (1 unit, setiap unit mempunyai skor 10 markah);6. pakaian berjenama (6 unit, setiap unit mempunyai skor 5 markah);7. alat penapis udara (2 unit, setiap unit mempunyai skor 8 markah).	<p>dapat menjual</p> <ul style="list-style-type: none">1. gelang batu marmar (2 unit, setiap unit mempunyai skor 3 markah);2. rantai leher belian (1 unit, setiap unit mempunyai skor 10 markah);3. pakaian (8 unit, setiap unit mempunyai skor 3 markah).



<p style="text-align: center;">Pengilang pasangan 3</p> <p>dapat menjual</p> <p>1. beras (8 unit, setiap unit mempunyai skor 5 markah); 2. krim untuk kecantikan kulit (8 unit, setiap unit mempunyai skor 5 markah); 3. smart phone edisi terbaru (1 unit, setiap unit mempunyai skor 8 markah); 4. rantai leher belian (1 unit, setiap unit mempunyai skor 10 markah); 5. pakaian (6 unit, setiap unit mempunyai skor 3 markah).</p>	<p style="text-align: center;">Pengilang pasangan 4</p> <p>dapat menjual</p> <p>1. beras (6 unit, setiap unit mempunyai skor 5 markah); 2. smart phone edisi terbaru (2 unit, setiap unit mempunyai skor 8 markah); 3. gelang batu marmar (4 unit, setiap unit mempunyai skor 3 markah); 4. rantai leher belian (1 unit, setiap unit mempunyai skor 10 markah); 5. pakaian (6 unit, setiap unit mempunyai skor 3 markah).</p>
<p style="text-align: center;">Pengilang pasangan 5</p> <p>dapat menjual</p> <p>1. beras mali wangi (3 unit, setiap unit mempunyai skor 8 markah); 2. gelang batu marmar (2 unit, setiap unit mempunyai skor 3 markah); 3. rantai leher belian (1 unit, setiap unit mempunyai skor 10 markah); 4. pakaian (10 unit, setiap unit mempunyai skor 3 markah).</p>	<p style="text-align: center;">Pengilang pasangan 6</p> <p>dapat menjual</p> <p>1. krim untuk kulit (10 unit, setiap unit mempunyai skor 5 markah); 2. perkhidmatan kedoktoran-swasta (2 unit, setiap unit mempunyai skor 8 markah); 3. rantai leher belian (1 unit, setiap unit mempunyai skor 10 markah); 4. pakaian (2 unit); 5. alat penapis udara (4 unit, setiap unit mempunyai skor 8 markah).</p>
<p style="text-align: center;">Pengilang pasangan 7</p> <p>dapat menjual</p> <p>1. krim untuk kulit (10 unit, setiap unit mempunyai skor 5 markah); 2. perkhidmatan kedoktoran-swasta (2 unit, setiap unit mempunyai skor 8 markah); 3. rantai leher belian (1 unit, setiap unit mempunyai skor 10 markah); 4. pakaian (2 unit, setiap unit mempunyai skor 3 markah); 5. alat penapis udara (4 unit, setiap unit mempunyai skor 8 markah).</p>	<p style="text-align: center;">Pengilang pasangan 8</p> <p>dapat menjual</p> <p>1. krim untuk kulit (7 unit, setiap unit mempunyai skor 5 markah); 2. perkhidmatan kedoktoran-swasta (2 unit, setiap unit mempunyai skor 5 markah); 3. gelang batu marmar (2 unit, setiap unit mempunyai skor 3 markah); 4. pakaian (2 unit, setiap unit mempunyai skor 3 markah).</p>



Aktiviti 7.3

Kad Pengganti Barang yang Menentukan Jenis Barang dan Markah

beras biasa 5 markah	beras mali wangi 8 markah	krim untuk kulit (5 markah)	perkhidmatan kedoktoran kerajaan 5 marakah
perkhidmatan kedoktoran swasta 8 markah	smart phone edisi terbaru (8 markah)	gelang batu marmar (3 markah)	rantai leher belian (10 markah)
pakaian biasa 3 markah	pakaian berjenama 5 markah	alat penapis udara (8 markah)	



UNIT PEMBELAJARAN 5	HAK ASASI MANUSIA YANG BERKAITAN DENGAN SOSIAL DAN BUDAYA
--------------------------------	--

Aktiviti 8: Keluarga dan Perkahwinan

Masa: 1 jam

KONSEP PENTING

Hak untuk berkahwin dan mendirikan keluarga adalah bebas tanpa batasan, kewarganegaraan atau agama. Semua orang harus memiliki hak yang sama dalam hal perkahwinan, semasa perkahwinan dan perceraian. Perkahwinan hanya dapat dicapai dengan persetujuan bebas dan kesediaan pengantin baru, yang berhasrat untuk berkahwin dan membentuk keluarga. Ia adalah unit semula jadi dan asas masyarakat dan dilindungi oleh masyarakat dan negara.

PENGISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT

No. 16 (1) Lelaki dan wanita usia penuh, berhak untuk berkahwin dan membentuk keluarga tanpa sekat bangsa, kewarganegaraan atau agama. Semua mempunyai hak yang sama dalam hal perkahwinan, antara perkahwinan dan perceraian.

(2) Perkahwinan akan berlaku dengan persetujuan bebas daripada pasangan yang dimaksudkan.

(3) Keluarga adalah unit semula jadi dan asas masyarakat dan mempunyai hak untuk perlindungan masyarakat dan Negara.

STANDARD PEMBELAJARAN

S 2.2 M. 4-6 /4 Menilai keadaan hak asasi manusia di Thailand dan mencadangkan garis panduan pembangunan.

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Pelajar dapat menilai nilai memiliki hak untuk memilih pasangan.



PROSES PELAKSANAAN AKTIVITI

Tahap Permulaan (10 minit)

1. Pelajar menonton video “Perkahwinan paksa punca peningkatan bunuh diri” di bandar Sinja, Iraq.
2. Guru tanya kepada pelajar, bagaimanakah perasaan anda sekiranya dipaksa untuk berkahwin dengan orang yang tidak dicintai?
3. Guru menjelaskan untuk mengaitkan dengan langkah aktiviti.

Tahap Aktiviti (40 minit)

Aktiviti Mencari Pasangan

1. Minta pelajar menuliskan ciri tentang diri mereka sendiri di atas kertas yang disediakan seperti berikut:
 - warna kegemaran;
 - tarikh lahir;
 - makanan;
 - subjek kegemaran;
 - jenis filem kegemaran.
- 1.1 Diminta pelajar mencari sekurang-kurangnya 3 orang rakan yang mempunyai pilihan yang sama. (Sekiranya ada pelajar tidak dapat mencari pasangan, guru akan menentukan pasangan untuk pelajar tersebut.)
- 1.2 Jika setiap pasangan mempunyai syarat yang sama seperti telah ditetapkan oleh guru, diminta pasangan tersebut bertukar kepada pasangan baru. Misalnya, jika ada pasangan menyukai filem romantis yang sama, mereka mesti menukar padanan baru, dan sebagainya.
- 1.3 Guru menetapkan syarat terakhir adalah mencarikan pasangan dengan kawan yang paling rapat.



2. Setiap kumpulan diarahkan untuk menulis perbezaan perasaan terhadap aktiviti pencarian pasangan. Bagaimanakah perasaan setelah berpasangan dengan orang yang disukai dan berpasangan dengan orang yang tidak disukai?
3. Guru bertanyakan 2-3 pasangan secara rawak.
4. Guru menjelaskan bahawa aktiviti mencari pasangan diibaratkan seperti perkahwinan. Sesetengah pasangan perkahwinan mendapat pasangan yang secocok dan sebaliknya. Situasi yang guru menentukan pasangan untuk pelajar, diibaratkan sebagai kahwin paksaan. Andainya seseorang mendapat pasangan yang secocok akan menyenangkan. Begitulah kepunyaan hak untuk memilih pasangan. Andainya seseorang tidak mempunyai hak akan berlaku masalah seperti yang didapati di dalam klip video.

Tahap Kesimpulan Aktiviti (10 minit)

1. Pelajar menonton video “Kahwin paksaan punca peningkatan bunuh diri” di Sinja, Iraq Sekali lagi (masa yang diberikan ialah 2 minit.)
2. Guru meminta setiap pasangan menulis pendapat mereka mengenai hak untuk memilih pasangan. Guru menanyakan 2-3 pasangan secara rawak.
3. Guru dan pelajar menyimpulkan bersama tentang aktiviti yang berkaitan dengan hak dalam perkahwinan dan pembentukan rumah tangga harus diwujudkan tanpa sekatan, tidak kira bangsa, kewarganegaraan atau agama. Semua manusia mempunyai hak yang sama dalam perkahwinan, semasa perkahwinan, dan penghabisan perkahwinan. Perkahwinan mesti dilakukan dengan persetujuan bebas dan sukarela daripada pengantin baru yang berhasrat untuk berkahwin dan membentuk keluarga, yang merupakan unit semula jadi dan asas masyarakat dan dilindungi oleh masyarakat dan negara.

ABM DAN SUMBER PEMBELAJARAN

1. Klip video bertajuk “Kahwin paksaan punca peningkatan bunuh diri” di Sinja, Iraq mencari secara dalam talian.
2. Kertas dan pen untuk aktiviti mencari pasangan.



PENILAIAN DAN PENGUKURAN

OBJEKTIF	METODOLOGI	ALAT	TAHAP PENILAIAN
1. Pelajar dapat menilai penghargaan hak seseorang untuk memilih pasangan.	-Jawab soalan di dalam kelas. -Jawab soalan dalam lembaran aktiviti.	-Lembaran nama “mencari pasangan”	Baik: Pelajar menjawab lebih daripada 80% soalan. Sederhana: Pelajar menjawab lebih daripada 50% hingga 79% soalan. lemah: Pelajar menjawab kurang daripada 50 daripada soalan.

PENGESYORAN

Pelajar diingatkan supaya berhati-hati dalam percakapan yang tidak senonoh terhadap orang lain semasa aktiviti berpasangan berlangsung.

DEFINISI OPERASIONAL

Perkahwinan paksaan adalah ketika seorang lelaki dan seorang wanita dipaksa untuk berkahwin dengan paksaan fizikal dan mental.

PENGETAHUAN UNTUK GURU

Di Thailand, walaupun cara perkahwinan paksaan tidak begitu terkenal lagi. Tetapi di India, tradisi ini tetap kuat. Maklumat pada tahun 2013 mendapati bahawa 74% orang India yang lebih muda menyokong perkahwinan yang diatur, dan kajian lain mengatakan 90% perkahwinan di India semuanya berbentuk kahwin paksaan dan yang anehnya, perkahwinan yang tidak bermula dengan cinta, akan lama hidup berpasangan, sebaliknya hanya angka 1% sahaja perkahwinan yang berakhir dengan perceraian di India.

Tetapi untuk mengambil keputusan bahawa perkahwinan paksaan dapat mengekalkan hidup berpasangan itu, merupakan perkara yang terlalu pantas dalam membuat kesimpulan.



Salah satu punca yang menyebabkan perkahwinan paksaan di India berkekalan disebabkan anggapan perceraian bagi kaum konservatif di India sangat sensitif. Perceraian hanya berlaku terhadap pasangan pengantin yang moden dan sukarela (jumlah ini memang sedikit).

Sebilangan besar orang yang menerima perkahwinan paksaan berasal dari keluarga konservatif, walaupun mereka tidak menyenangi untuk hidup bersama dengan pasangan mereka, tetapi mereka masih tidak berani untuk bercerai kerana tekanan sosial dan kesusahan yang akan terjadi setelah perceraian mereka berlaku, terutamanya pasangan wanita, yang sering bergantung kepada kewangan daripada suami mereka. Mereka terpaksa menerima syarat perkahwinan yang pahit daripada memilih perceraian.

Walau bagaimanapun didapati beberapa negara di dalam dunia ini yang menghukumkan kahwin paksaan adalah suatu kesalahan besar dengan undang-undang negara, seperti di Norway. Dalam keadaan yang sama juga, pembawaan kanak-kanak atau orang di bawah usia keluar negara untuk mengambil perkahwinan paksaan juga merupakan kesalahan.

Pada saat yang sama didapati ajaran agama Islam mengikut perundangan tentang perkahwinan (nikah) telah menetapkan undang-undang keluarga dengan jelas untuk melindungi masyarakat dan untuk kebahagiaan keluarga Islam. Tujuan perkahwinan adalah untuk kebaikan yang akan mencerminkan diri individu dan masyarakat secara keseluruhan.



UNIT PEMBELAJARAN 5	HAK ASASI MANUSIA YANG BERKAITAN DENGAN SOSIAL DAN BUDAYA
--------------------------------	--

Aktiviti 9: Penerimaan Kepelbagai Budaya

Masa: 1 jam

KONSEP PENTING

Pengisytiharan hak asasi manusia sejagat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menyatakan setiap orang bebas menggunakan bahasa tempatan mereka sendiri, memakai pakaian ikut budaya masing-masing, mengamalkan cara hidup ikut budaya, adat resam, agama dan rekreasi masing-masing. Selain itu dapat mempersembahkan tradisi budaya dan hiburan dengan mana-mana cara tanpa paksaan orang lain.

PENGISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT

- 18 Setiap orang berhak atas kebebasan berfikir, hati nurani dan beragama. Hak ini termasuk kebebasan untuk menukar agama atau kepercayaan dan kebebasan untuk menyatakan agama atau kepercayaan dalam bentuk dakwah, praktik, mempersembahkan, berdoa dan melakukan ritual, baik sendirian atau bersama orang lain dalam jemaah, secara terbuka atau peribadi.
- 27 (1) Setiap orang berhak untuk berpartisipasi dalam kehidupan budaya masyarakat dengan bebas untuk menikmati seni dan menyumbang kepada kemajuan dan kepentingan saintifik.
(2) Setiap orang memiliki hak untuk melindungi kepentingan moral dan material yang dihasilkan daripada sebarang penemuan saintifik, sastera dan seni yang dinikmati olehnya.

STANDARD PEMBELAJARAN

S. 2.2 M. 4-6 /4 Menilai keadaan hak asasi manusia di Thailand dan mencadangkan garis panduan pembangunan.

S 2.1 M. 4-6 /5 Menganalisis keperluan peningkatan, perubahan dan pemuliharaan budaya Thailand dan menerima budaya antarabangsa.



OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Dapat menerangkan ciri-ciri masyarakat berbilang budaya.
2. Mencadangkan garis panduan hidup bersama dalam masyarakat yang berbilang budaya.

PROSES PELAKSANAAN AKTIVITI

Tahap Permulaan (10 minit)

1. Guru menunjukkan pelajar satu klip video mengenai lagu banyak berfikir.
2. Guru mengarahkan pelajar berbincang dengan bertanya apakah yang dapat dilihat pelajar dari klip video itu?

Garis jawapan: Pakaian, bahasa yang mewakili bangsa dan budaya di negara-negara ASEAN dan negara-negara jiran termasuk Laos, Burma, China, Vietnam, Indonesia, Filipina.

3. Guru memimpin pelajar untuk membincangkan kepelbagaiannya hidup orang yang berkaitan dengan konteks tempatan dan memasuki mereka ke dalam pelajaran.

Panduan perbincangan: Makhluk hidup akan ada pendekatan untuk menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran di mana mereka berada. Tetapi manusia telah belajar menggunakan kebolehan mereka untuk mengembangkan alat, peralatan, dan gaya hidup yang sesuai dengan persekitaran.

Tahap Aktiviti (40 minit)

1. Guru membawakan pelajar membincangkan makna dan jenis budaya.

Maklumat: Budaya adalah cara hidup (*The way of life*) orang dalam masyarakat, mulai daripada cara hidup, cara berpakaian, cara bekerja, cara berehat, cara mengekspresikan emosi, cara berkomunikasi, bagaimana lalu lintas dan pengangkutan, bagaimana hidup dalam kumpulan, cara menyatakan kebahagiaan mental dan peraturan gaya hidup dengan cara menunjukkan cara hidup mungkin berasal dari orang persendirian atau sekumpulan orang yang bertindak sebagai model, dan kemudian kebanyakan orang terus berlatih dengan ciri budaya seperti berikut:

- 1.1 adalah gaya hidup buatan manusia;



- 1.2 berkaitan dengan persekitaran;
- 1.3 unik dan mewakili identiti orang pada setiap kawasan;
- 1.4 perpindahan dan perubahan dengan budaya yang berlainan zaman.

2. Guru mengemukakan soalan apakah yang akan berlaku apabila didapati manusia mempunyai bentuk budaya yang berbeza, tetapi terpaksa hidup bersama?

Garis jawapan: Mereka tersebut akan mengalami perasaan keterasingan, penyesuaian, atau mungkin berakhir dengan konflik atau keganasan. Ada juga dalam kalangan mereka akan berasa tidak minat dengan masyarakat bandar, kerana mendapati manusia yang berbagai.

3. Guru membuka klip video kepada pelajar tentang sebuah kondo mewah yang membuat aduan kepada sebuah kuil yang mempunyai suara loceng yang begitu kuat. Guru melontarkan soalan kepada pelajar adakah ini merupakan contoh konflik budaya dalam masyarakat? Adakah melanggar hak dalam mempersempahkan budaya? Dan bagaimanakah kita mempunyai jalan keluar?

Garis jawapan: Ini merupakan konflik budaya yang berlaku antara penduduk Buddha di dalam kuil dan kondominium baru, disebut konflik cara hidup antara kedua-dua tempat tersebut. Kejadian ini melambangkan ketidakfahaman cara hidup yang dilakukan oleh kuil dan melanggar hak untuk mempersempahkan budaya yang telah lama diamalkan. Penyelesaiannya adalah menerima dan memahami bersama, bukan melalui kesabaran atau mengurangkan bunyian locong tersebut.

4. Guru membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan. Ahli dalam kumpulan ialah 5-6 orang. Setiap kumpulan diberikan satu kertas *flip chart* dan pen. Kemudian minta pelajar melukis gambar orang-orang di atasnya dan mencetuskan idea jika kita akan menyelesaikan konflik budaya tanpa melanggar hak orang lain, bagaimanakah panduan untuk berperilaku, dengan menentukan kepada 3 titik utama iaitu konsep (*head*), tindakan (*hand*) dan sikap (*heart*) mengikut lembaran Aktiviti 9.1. Kemudian, setiap kumpulan melukis gambar di atas kertas *flip chart* serta dengan konsepnya dengan dalam tempoh masa yang diberikan 10 minit.

Garis jawapan:

4.1 Konsep (*Head*): Belajar tentang pelbagai budaya dan belajar mengenai tingkah laku budaya lain dalam masyarakat.



4.2 Tindakan (*Hand*): Jangan bertindak sesuatu yang dapat melanggarkan hak orang lain dan menyatakan hak sendiri pada tahap tertentu.

4.3 Sikap (*Heart*): Terbuka menerima kepelbagaian budaya dengan persefahaman bersama.

5. Guru meminta setiap kumpulan keluar untuk membentangkan dapatan kumpulan masing-masing dengan mengambil masa 2-3 minit. Kumpulan yang membentang harus menulis kata-kata penting atau isi penting ke atas papan di hadapan kelas.

Tahap Kesimpulan Aktiviti (10 minit)

Guru menggariskan panduan untuk difahami pelajar dan tidak melanggar hak budaya orang lain berdasarkan kata kunci dan idea daripada persembahan setiap kumpulan di papan dan pemahaman bersama.

ABM DAN SUMBER PEMBELAJARAN

1. Klip video lagu banyak berfikir, dicari dalam talian.
2. Klip video nyanyian kondominium mewah di daerah kuil bunyi bising, dicari dalam talian.
3. Pengisytiharan hak asasi manusia sejagat, versi Thai.

Nama pengarang: Pejabat Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional.

Tajuk: Pengisytiharan hak asasi manusia sejagat

Sumber maklumat:

website <http://library.nhrc.or.th/ulib/document/Fulltext/F03988.pdf>

4. Lembaran aktiviti no. 9.1 Panduan untuk menyelesaikan konflik budaya
5. Kertas *flip chat* dan pen kimia.

**PENILAIAN DAN PENGUKURAN**

OBJEKTIF	METODOLOGI	ALAT	TAHAP PENILAIAN
1.Pelajar dapat menerangkan ciri-ciri masyarakat berbilang budaya.	Menggunakan soalan di dalam kelas.	guru menyoal	Baik: Dapat menjelaskan gambaran masyarakat berbilang budaya dengan Jelas. Sederhana: Dapat menjelaskan gambaran masyarakat berbilang budaya tetapi tidak jelas seperti: tidak menyebut perbezaan etnik dan agama yang akan boleh menimbulkan masalah. Lemah : Tidak dapat menjelaskan ciri-ciri masyarakat berbilang budaya.
2.Pelajar dapat mencadangkan cara hidup bersama dalam masyarakat berbilang budaya.	Percambahan fikiran (<i>brainstorm</i>) daripada aktiviti kumpulan.	Aktiviti kumpulan	Baik: Dapat menjelaskan sepenuhnya cara hidup berdampingan dalam masyarakat berbilang budaya dari 3 aspek iaitu Head Hand dan Heart. Sederhana: Dapat menjelaskan cara hidup berdampingan dalam masyarakat berbilang budaya tetapi tidak lengkap di ketiga-tiga



			<p>bidang atau panduannya masih tidak terpakai.</p> <p>Lemah : Tidak dapat menjelaskan panduan hidup berdampingan dalam masyarakat berbilang budaya.</p>
--	--	--	---

PENGESYORAN

1. Sebilangan pelajar di dalam kelas mungkin mempunyai gaya budaya yang berbeza daripada yang lain, seperti berkedudukan di wilayah atau mempunyai agama yang berbeza daripada yang lain. Mungkin boleh diminta pelajar untuk berkongsi pengalaman mereka dengan rakan sebaya mereka.
2. Budaya adalah isu yang sensitif. Guru boleh menasihati pelajar atau mengajar pelajar tentang moral dan etika bersama, seperti tidak mengusik rakan Muslim tentang amalan mereka yang tidak makan daging babi, mengejek bangsa dan kampung halaman rakannya.
3. Guru mungkin mengalami pengalaman konflik budaya yang pernah dihadapi dan dapat menghuraikan kepada pelajar tetapi dilarang memilih kejadian yang ganas untuk diceritakan kepada pelajar.

DEFINISI OPERASIONAL

Budaya merujuk kepada kegembiraan yang dihasilkan daripada sistem hubungan antara manusia dengan manusia, manusia dengan masyarakat, dan manusia dengan alam. Budaya dapat dikategorikan kepada 3 jenis iaitu mental, sosial dan material. Budaya merupakan pusaka yang diwarisi daripada generasi kepada generasi, dari masyarakat ke masyarakat sehingga menjadi satu corak hidup yang dapat dipelajari dan dapat menghasilkan sesuatu produk sama ada berbentuk abstrak dan konkret. Budaya merupakan sesuatu yang patut dibuat penyelidikan, mempertahankan, memperbaharui, mengembangkan dan menukar pandangan untuk



kestabilan antara manusia, masyarakat dan alam semula jadi yang akan membantukan manusia hidup dalam keadaan yang damai, bebas dan merupakan asas tamadun kemanusiaan.

Budaya majmuk adalah pembinaan persefahaman yang berkaitan dengan sosial, politik, ekonomi, pendidikan dan sejarah dengan menggunakan struktur etnik (*ethnicity*), bangsa (*race*), status keluarga (*socioeconomic status*), gender (*gender*), kemampuan khas (*exceptionalities*), bahasa (*language*), agama (*religion*), peranan jantina (*sexual orientation*) dan kawasan geografi (*geographical area*). Sesuai dengan pandangan Mitchell dan Satsbury (1999), yang menjelaskan tentang “Pengurusan pengajian menurut garis panduan budaya majmuk adalah pendidikan yang bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai positif hidup bersama dan menyumbang kepada peningkatan kemampuan belajar dalam kalangan pelajar”. Selain itu, Banks and Banks Multicultural Education Issues and Perspectives (1989) menjelaskan pendidikan budaya majmuk sebagai “Pendekatan revolusioner yang dirancang untuk mengubah persekitaran pendidikan secara holistik bagi pelajar daripada kepelbagaian bangsa, kumpulan etnik, jantina, kemampuan khas pelajar dan kelas sosial dengan memberikan pengalaman dalam kesetaraan pendidikan di sekolah, kolej dan universiti.”

PENGETAHUAN UNTUK GURU

Pengisyiharan hak asasi manusia sangat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu no. 18 menyatakan, seseorang mempunyai hak dan kebebasan dalam berfikir, hati nurani dan beragama atau kepercayaan dan kebebasan untuk mempersebahkan agama atau kepercayaan dalam bentuk pengajaran amalan menyembah, berdoa, dan melakukan ritual, baik sendirian atau bersama orang lain dalam masyarakat, di tempat awam atau persendirian.

Akta budaya kebangsaan 1942, telah memberikan makna “Budaya” sebagai ciri yang menunjukkan kemakmuran, ketertiban, keharmonian, kemajuan negara dan akhlak rakyat yang baik. Manakala makna “Budaya” mengikut panduan untuk mempertahankan, mempromosikan dan Pengembangan Budaya pada tahun 1986 menyatakan bahawa “Budaya” adalah cara hidup, cara menjalankan kehidupan sesebuah masyarakat, pola tingkah laku dan ekspresi di mana perasaan dan pemikiran dalam situasi yang berbeza dapat diselesaikan oleh anggota masyarakat yang sama dan saling menghargai. Oleh itu, budaya Thai adalah cara hidup yang dikumpulkan, dipilih, diperbaiki oleh orang Thai sehingga dianggap sebagai perkara baik dan sesuai mengikut situasi persekitaran dan telah digunakan sebagai alat atau panduan untuk pencegahan dan



menyelesaikan masalah dalam masyarakat. Selain itu dapat dikatakan “budaya” adalah warisan sosial yang telah dikembangkan dan dipertahankan oleh masyarakat untuk berkembang maju.

Perwujudan budaya adalah daripada amalan atau cara hidup yang dilakukan bersama dalam kalangan ahli masyarakat. Diwarisi sehingga dijadikan sebagai pusaka masyarakat atau pembentukan sesuatu yang baru atau penerimaan dari budaya lain yang dapat persetujuan dalam kalangan ahli sesuatu masyarakat. Pada tahun 1992 didefinisikan “budaya” sebagai kemajuan yang berkembang yang berkesan daripada hubungan manusia dengan manusia, manusia dengan masyarakat, dan manusia dengan alam semula jadi. Dapat dikategorikan kepada tiga aspek, iaitu mental, sosial, dan material. Ia merupakan pusaka yang diturunkan daripada generasi kepada generasi berikutnya, dari masyarakat ke masyarakat yang lain sehingga menjadi satu pola yang dapat dipelajari dan menghasilkan karma dan produk sama ada berbentuk konkret dan abstrak. Budaya merupakan sesuatu yang patut dibuat penyelidikan, mempertahankan, memperbaharui, mengembangkan dan menukar pandangan untuk kestabilan antara manusia, masyarakat dan alam semula jadi yang akan membantukan manusia hidup dalam keadaan yang damai, bebas dan merupakan asas tamadun kemanusiaan.

BUDAYA MEMPUNYAI CIRI-CIRI UTAMA SEPERTI BERIKUT:

- 1. Budaya timbul daripada pembelajaran.** Kebudayaan bukanlah sesuatu pembawaan manusia pada semula jadi. Sebagai contoh, tempat tinggal manusia berbeza dengan sarang lebah kerana lebah membina sarangnya secara semula jadi secara naluri tidak perlu untuk dipelajari atau diajari, tetapi pembinaan tempat tinggal manusia berlaku disebabkan oleh pembelajaran yang dilakukan oleh anggota dalam sesebuah masyarakat.
- 2. Budaya adalah warisan sosial.** Ia adalah hasil perpindahan dan pembelajaran dari satu generasi ke generasi yang berikutnya. Cara penyampaiannya menggunakan bahasa sebagai medium untuk menolong manusia meluahkan perasaan mereka dan dapat memahami orang lain membantu menyebarkan budaya sebagai warisan sosial.
- 3. Budaya adalah cara hidup.** Orang yang dilahirkan dalam mana-mana masyarakat mesti mempelajari budaya masyarakat itu, dan sudah pasti mempunyai perbezaan dengan masyarakat lainnya. Perbezaan tersebut tidak dapat dibandingkan atau diukur bahawa budaya mana paling baik di dunia ini, kerana setiap budaya mempunyai kelebihan, kekuatan tersendiri mengikut konteksnya. Dapat dilihat contoh budaya Thai, mempunyai



rancangan cara hidup tertentu sama ada pakaian, makanan, kehidupan dan sebagainya. Budaya Thai berbeza dengan budaya Jepun dan budaya lain. Dapat dikatakan setiap budaya akan mempunyai cara hidup tersendiri.

4. **Budaya adalah sesuatu yang dapat diubah** dengan mencipta perkara baru atau memperbaiki perkara lama agar sesuai dengan situasi yang berubah.
5. **Budaya dicirikan sebagai suatu bentuk pemikiran** dan akan menghasilkan pemikiran itu melalui tingkah laku manusia dan seluruh anggota dalam masyarakat telah pun memperakuinya.
6. **Budaya bukan milik peribadi**, tetapi ia adalah milik bersama. Wujudnya budaya disebabkan perhimpunan manusia dan mewujudkan pola hidup bersama. Budaya bukanlah sesuatu yang diterima atau diamalkan oleh mana-mana anggota masyarakat, tetapi ia adalah milik bersama.



Aktiviti 9.1

Panduan untuk Menyelesaikan Konflik Budaya

Head (Konsep)

Hand (Tindakan)



Heart (sikap)



UNIT PEMBELAJARAN 6	KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN TENTANG HAK ASASI MANUSIA
--------------------------------	--

Aktiviti 10: Garis Panduan Pembentukan Keharmonian dan Hak Asasi Manusia Masa: 1 jam

KONSEP PENTING

Berita atau isu hak asasi manusia yang terdapat dalam media massa sama ada hak kewarganegaraan, politik, pemerintahan, ekonomi dan sosio-budaya adalah berpunca daripada pemahaman tentang ketidakadilan yang berlaku ke atas manusia. Pendekatan untuk membina kedamaian dan hak manusia harus berdasarkan kepada asas kesetaraan, tanpa diskriminasi, dan menghormati maruah manusia dan menerima kepelbagaian manusia.

PENGISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT

1. Prinsip asas pengisytiharan hak asasi manusia sejagat no. 1, 2, 28, 29, 30.
2. Pengisytiharan hak asasi manusia sejagat yang relevan dengan warganegara, no. 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 22.
3. Pengisytiharan hak asasi manusia sejagat yang relevan dengan politik, no. 19, 20, 21.
4. Pengisytiharan hak asasi manusia sejagat yang relevan dengan ekonomi, no. 17, 23, 24.
5. Pengisytiharan hak asasi manusia sejagat yang relevan dengan masyarakat dan budaya no. 16, 18, 25, 26, 27.

STANDARD PEMBELAJARAN

S. 2.2 M. 4-6 /4 Menilai keadaan hak asasi manusia di Thailand dan mencadangkan panduan pembangunan.

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Pelajar dapat menganalisis sebab, kesan dan pendekatan untuk menyelesaikan masalah hak asasi manusia.



2. Pelajar mengemukakan garis panduan untuk hidup bersama dengan damai di bawah prinsip hak asasi manusia dengan tepat.

PROSES PELAKSANAAN AKTIVITI

Tahap Permulaan (10 minit)

Guru menayangkan berita mingguan yang menarik berkaitan dengan hak asasi manusia untuk menarik perhatian pelajar. Kemudian bertanyakan soalan kepada pelajar seperti berikut:

1. Adakah pelajar mengikuti berita ini?
2. Apakah kandungan berita ini?
3. Bagaimanakah berita ini melanggar hak asasi manusia?
4. Kenapakah kejadian ini berlaku?

Tahap Aktiviti (50 minit)


1. Pelajar dibahagikan kepada 8 kumpulan. Setiap kumpulan ditugaskan untuk mengkaji 4 berita hak asasi manusia yang berbeza, seperti berikut:

Kumpulan 1 dan 2	Berita hak asasi manusia mengenai warganegara.
Kumpulan 3 dan 4	Berita hak asasi manusia mengenai politik dan pemerintahan.
Kumpulan 5 dan 6	Berita hak asasi manusia mengenai ekonomi
Kumpulan 7 dan 8	Berita hak asasi manusia mengenai masyarakat dan budaya.

2. Setiap kumpulan pelajar menganalisis sebab, impak dan penyelesaian daripada berita hak asasi manusia tersebut ke dalam kertas besar yang diagihkan guru. Masa yang diberikan ialah 10 minit.
3. Setiap kumpulan akan membentangkan hasil analisis berita mereka dalam format galeri berjalan kaki. Setiap kumpulan akan mempunyai wakil untuk membentang. Manakala ahli kumpulan lainnya akan bergerak kepada semua kumpulan untuk mendengar pembentangan



pada setiap kumpulan. Setiap kumpulan akan membentang 3 minit. Pelajar sebagai peserta dapat menulis isi-isi penting menerusi kertas *post it* dan dapat menampalkan kertas itu ke dalam kumpulan lain yang mereka ingin tambahkan isi tersebut. Perjalanan mengikut kumpulan dilakukan seperti gambar di bawah:



4. Semua pelajar akan kembali kepada kumpulan masing-masing dan berbincang masalah yang dihadapi tentang hak asasi manusia dalam berita selama 2 minit. Setiap kumpulan mungkin ada persamaan, perbezaan atau menarik.
5. Setiap kumpulan membuat kesimpulan dalam tajuk “Bagaimakah Garis Panduan untuk Membina Kedamaian dan Hak Asasi Manusia” ke dalam kertas besar yang disediakan selama 10 minit.
6. Setiap kumpulan pelajar membentangkan hasil perbincangan sumbang saran kepada rakan-rakan pelajar.



Tahap Kesimpulan Aktiviti (10 minit)

Guru dan pelajar sama-sama meringkaskan konsep sumbang saran dan menambahkan isi pada topik “Bagaimanakah Garis Panduan untuk Membina Kedamaian dan Hak Asasi Manusia?” Dan mencatat kesimpulan ke dalam kertas secara individu.

ABM DAN SUMBER PEMBELAJARAN

1. Berita atau isu yang berkaitan dengan hak asasi manusia dalam pelbagai bidang;
2. Kertas *flip chart* dan pen dakwat;
3. Kertas *post it*;
4. Kertas a4.

PENILAIAN DAN PENGUKURAN

OBJEKTIF	METOD	ALAT	TAHAP PENILAIAN
1. Pelajar dapat menganalisis sebab, impak dan pendekatan untuk menyelesaikan masalah hak asasi manusia.	Penilaian analisis berita.	Borang penilaian berdasarkan hasil analisis.	Baik: Membincangkan situasi keputusan dan akibat dengan tepat menggambarkan pengalaman yang tidak adil. Sederhana: Membincangkan situasi keputusan dan akibat sebahagiannya dengan tepat menggambarkan pengalaman yang tidak adil tidak jelas. Lemah: Membincangkan situasi keputusan dan akibat tidak dapat dibincangkan dengan betul, tidak dapat menggambarkan pengalaman yang tidak adil.



2. Pelajar mencadangkan panduan untuk hidup damai di bawah prinsip-prinsip hak asasi manusia dengan betul.	Mencadangkan panduan hidup bersama.	Borang Penilaian Pembentangan Pendekatan kewujudan bersama.	Baik: Mencadangkan hidup bersama di bawah prinsip hak asasi manusia dengan contoh yang sah. Sederhana: Mencadangkan hidup bersama di bawah prinsip hak asasi manusia dengan beberapa contoh yang sah. Lemah: Cadangkan hidup bersama di bawah prinsip hak asasi manusia dengan contoh yang tepat dan tidak tepat.
--	-------------------------------------	---	--

PENGESYORAN

1. Guru boleh memilih berita yang relevan dengan pelajar dan isu-isu hangat tempatan.
2. Guru dapat menyesuaikan bilangan kumpulan dan jenis berita mengikut jumlah pelajar.

DEFINISI OPERASIONAL

1. Hak asasi manusia yang relevan dengan warganegara bermaksud berita atau isu yang selaras dengan pengisytiharan hak asasi manusia sejagat no.3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 22.
2. Hak asasi manusia yang relevan dengan politik dan pemerintahan bermaksud berita atau isu yang selaras dengan pengisytiharan hak asasi manusia sejagat no.19, 20, 21.
3. Hak asasi manusia yang relevan dengan ekonomi bermaksud berita atau isu yang selaras dengan pengisytiharan hak asasi manusia sejagat no.17, 23, 24.
4. Hak asasi manusia yang relevan dengan sosial dan budaya bermaksud berita atau isu yang selaras dengan pengisytiharan hak asasi manusia sejagat no. 16, 18, 25, 26, 27.



Contoh Tingkah Laku Pelajar dengan Kesedaran Mengenai Hak Asasi Manusia

1. Pelajar tidak menggunakan keganasan untuk memperlakukan orang lain daripada segi fizikal dan mental.
2. Pelajar bertindak dengan adil dan berperikemanusiaan terhadap orang lain.
3. Pelajar menyatakan pendapat mereka melalui pelbagai media tanpa melanggar hak orang lain.
4. Pelajar dapat berbincang dan bertukar idea atau membuat tuntutan mengenai pemeliharaan hak sebagai pengguna.
5. Pelajar dapat berbincang dan bertukar pandangan mengenai peraturan yang mempengaruhi mereka atau mempunyai kepentingan dengan orang tertentu.
6. Pelajar menghormati keputusan orang lain sesuai dengan hak asasi manusia tanpa paksaan.
7. Pelajar dapat berbincang dan bertukar pendapat yang menggambarkan keadilan dalam masyarakat Thailand.



LAMPIRAN



Senarai Nama Jawatankuasa

Buku Panduan Pengurusan Pembelajaran Pendidikan Hak Asasi Manusia

1. Tahap Pra-sekolah

Pensyarah Sukhon Sinthaphanon	Penasihat
Pensyarah Jintana Weerakiatsunthorn	Penasihat
1.1 Cik Arisa Sokhampha	Sekolah Wat Mai Phadungkhet (Ketua jawatankuasa)
1.2 Cik Kusuma Nontanam	Sekolah Prachauppatham
1.3 Cik Thamonwan Setthahirunkul	Sekolah Wat Mai Phadungkhet
1.4 Cik Anothai Jamnaichit	Sekolah Kosit Samosorn
1.5 Cik Aree Teeranpanya	Fakulti Pendidikan Jasmani, Universiti Srinakharinwirot

2. Tahap Sekolah Rendah Bawah

Pensyarah Wattaneewan Urasuk	Penasihat
2.1 Cik Praiporn Wongngamsai	Sekolah Demonstrasi Universiti Suan Sunandha Rajabhat (Bahagian Utama) (Ketua jawatankuasa)
2.2 Puan Kanrada Siribanchong	Sekolah Wat Klang Kret
2.3 Encik Thawit Na Nakorn	Sekolah Ban Bang Kapi (Bahagian Sekolah Rendah)
2.4 Cik Pimppai Jiupae	Sekolah Demonstrasi Universiti Rajabhat Suan Sunandha (Bahagian Sekolah Rendah)
2.5 Encik Phimwit Seekaew	Sekolah Wat Prayurawongsawas
2.6 Encik Supot Rakruam	Sekolah Kosit Samosorn

3. Tahap Sekolah Rendah Atas

Pensyarah Sukhon Sinthaphanon	Penasihat
Pensyarah Jintana Weerakiatsunthorn	Penasihat
3.1 Cik Mutita Kongsomprach	Sekolah Wat Champak Phaeo (Ketua jawatankuasa)
3.2 Encik Boonchuay Luesopa	Sekolah Rittiyawannalai (bahagian Sekolah Rendah)
3.3 Cik Patchara Chamrasban	Sekolah Wat Prai Fah
3.4 Puan Supatcha Chansawang	Sekolah Wat Prai Fah
3.5 Encik Apiwat Treepleng	Sekolah Anubaan Saraburi



4. Tahap Sekolah Menengah Bawah

Pensyarah Chalermchai Phanlert
Encik Nutthameth Dulkanit

- 4.1 Encik Chaiwat Somkiatprayoon
- 4.2 Cik Thananya Torcheep
- 4.3 Encik Romklao Changnoi
- 4.4 Encik Wuttichai Punsap
- 4.5 Encik Sathaporn Khorpianklang
- 4.6 Encik Athaphon Praphasanabol

Penasihat
Nazir Sekolah, Pejabat Kawasan
Perkhidmatan Pendidikan Menengah,
Kawasan 1 (Ketua Jawatankuasa)

Sekolah Phrakanong Pittayalai
(PPPM2)
Sekolah Rittiyawannalai (PPPM1)
Sekolah Menengah Wat
Dusitaram (PPPM1)
Sekolah Thanyaburi (PPPM4)
Sekolah Menengah Wat
Dusitaram (PPPM1)
Sekolah Triamudom Suksa
Pattanakarn Pathum Thani (PPPM4)

5. Tahap Sekolah Menengah Atas

Pensyarah Chalermchai Phanlert
5.1 Encik Natthameth Dulkanit

- 5.2 Encik Nutchatin Mae Inkaew
- 5.3 Encik Prasrai Jetsanti
- 5.4 Encik Pornpat Ampornpruti
- 5.5 Encik Phakinon Kaewpraphak
- 5.6 Encik Ekaphop Phromsuthirak

Penasihat
Nazir Sekolah, Pejabat Kawasan
Perkhidmatan Pendidikan Menengah,
Kawasan 1 (Ketua Jawatankuasa)

Sekolah Samsen Wittayalai
(PPPM1)
Sekolah Bangpakok Wittayakhom
(PPPM1)
Sekolah Wat Nuan Noradit
(PPPM1)
Sekolah Samsen Wittayalai
(PPPM1)
Sekolah Suankularb Wittayalai
Nonthaburi (PPPM)

*** PPPM (Pejabat Kawasan Perkhidmatan Pendidikan Menengah)**



SENARAI NAMA LEMBAGA PENASIHAT PENYUSUNAN BUKU PANDUAN PENGURUSAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA

1.1 Puan Prakairat Tontheerawong	Ahli Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Nasional dan Ketua Jawatankuasa Bahagian Menggalakkan Kehormatan Hak Asasi Manusia
1.2 Cik Suthada Mekrungruangkul	Ahli Tetap di Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional
1.3 Puan Sukhon Sinthapanon	Pakar dalam Pendidikan Hak Asasi Manusia
1.4 Encik Chalermchai Phanlert	Pakar dalam Pendidikan Hak Asasi Manusia
1.5 Cik Naparat Kanratanasutra	Pakar dalam Pendidikan Hak Asasi Manusia
1.6 Cik Pimraphat Dusedi Isriyakon	Pakar Komunikasi Awam
1.7 Puan Jintana Weerakiatsunthorn	Pesara, Tingkat 8
1.8 Puan Wattaneewan Urasuk	Pesara, Tingkat 8
1.9 Cik Pornsawan Pattanaporn	Pembantu Projek, Friedrich Nauman Foundation, Thailand



Tajuk buku	Buku Panduan Pengurusan Pembelajaran Pendidikan Hak Asasi Manusia
ISBN	978-616-8274-01-9
Cetakan pertama	Januari 2020
Jumlah cetakan	1,000 salinan.
Diterbitkan oleh	Pejabat Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional Pusat Kerajaan untuk Memperingati Hari Keputeraan Yang Mulia Raja ke-80, pada 5 Disember 2007, Bangunan Ratthaprasasanabhakdi (Bangunan B), Lantai Sisi Selatan 6 dan 7, 120 Kampung No. 3, Jalan Chaeng Watthana, Kecamatan Thung Song Hong, Kabupaten Lak Si, Bangkok 10210 Telefon 02 141 3800 Faks 0 21439574 Talian Aduan 1377 E-mel: help@nhrc.or.th
Maklumat lanjutan	www.nhrc.or.th



“Di tempat yang kecil berhampiran dengan rumah, teramat kecil dan dekat sehingga tidak dapat dilihat dalam peta dunia. Tempat yang sangat kecil itu seperti satu dunia milik individu yang menjadi tempat tinggal, sekolah, atau universiti untuk individu itu belajar; kilang, ladang atau pejabat-pejabat untuk bekerja. Inilah tempat di mana setiap lelaki, wanita dan kanak-kanak mencari keadilan, peluang dan maruah yang sama tanpa diskriminasi. Sekiranya hak-hak ini tidak bermakna di tempat itu maka hak-hak ini akan mempunyai peranan yang kecil di tempat-tempat lain. Sekiranya warga tempatan tidak saling bertekad untuk melindungi hak ini di tempat mereka, maka sia-sia mereka untuk membina kemajuan di dunia yang sangat luas ini.”

Puan Eleanor Roosevelt, isteri mantan Presiden Amerika Syarikat, Franklin Delano Roosevelt.